



DR 10 TAHUN 2016
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS
PENGGAL KEEMPAT



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS

PENGURUSAN PEROLEHAN PERABOT BAGI CADANGAN PEMBINAAN
SEMULA KEM BATALION 5, PASUKAN GERAKAN AM, SIMPANG RENGGAM,
JOHOR

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

LAPORAN
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS

| BIL | PERKARA | MUKA SURAT |
|-----|---|-------------|
| 1. | LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG PENGURUSAN PEROLEHAN PERABOT BAGI CADANGAN PEMBINAAN SEMULA KEM BATALION 5, PASUKAN GERAKAN AM, SIMPANG RENGGAM, JOHOR | 1-8 |
| 2. | RUMUSAN & SYOR JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA | 9-10 |
| 3. | AGENDA MESYUARAT | |
| 4. | LAPORAN PROSIDING | |
| 5. | DOKUMEN PEMBENTANGAN | |

**LAPORAN
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA
WANG NEGARA**

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
(PAC) PARLIMEN BERHUBUNG PENGURUSAN PEROLEHAN
PERABOT BAGI CADANGAN PEMBINAAN SEMULA KEM BATALION
5, PASUKAN GERAKAN AM, SIMPANG RENGGAM, JOHOR**

1. PENDAHULUAN.

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 1 di Dewan Rakyat pada 6 April 2015 telah mendedahkan beberapa isu berkaitan Pengurusan Perolehan Perabot Bagi Cadangan Pembinaan Semula Kem Batalion 5, Pasukan Gerakan Am, Simpang Renggam, Johor.

Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen telah memutuskan untuk membincangkan perkara tersebut pada 11 Jun 2015 dalam Mesyuarat Bilangan 37 Tahun 2015.

2. OBJEKTIF PERBINCANGAN.

Selaras dengan mandat yang diberikan di bawah Perkara 77 (1) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat serta Perkara 304 (a) Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008), PAC Parlimen telah bersidang bertujuan untuk:

- i. Mengenal pasti dasar Kerajaan yang berkaitan dengan isu perolehan tersebut;
- ii. Menentukan sama ada perbelanjaan telah dibuat dengan berhemat atau sebaliknya;

- iii. Mengenal pasti sama ada pembayaran yang dibuat selaras dengan peraturan Kerajaan yang berkuat kuasa; dan
- iv. Mengesyorkan tindakan yang patut diambil terhadap semua pihak yang terlibat sekiranya didapati berlaku penyelewengan dalam perbelanjaan wang awam.

3. SKOP DAN METODOLOGI.

Perbincangan telah dibuat melalui pendekatan berikut:

- a. Menjemput Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) bagi memberi penjelasan berhubung isu yang dibangkitkan.
- b. Memanggil pihak yang terlibat dalam Pengurusan Perolehan Perabot Bagi Cadangan Pembinaan Semula Kem Batalion 5, Pasukan Gerakan Am, Simpang Renggam, Johor iaitu Kementerian Dalam Negeri (KDN), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan syarikat Pembinaan BLT Sdn Bhd (PBLT) untuk memberi penjelasan mengenai maklum balas dan tindakan yang diambil; dan
- c. Menjemput wakil dari agensi pusat seperti Kementerian Kewangan (MoF); Jabatan Akauntan Negara; Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) untuk hadir bersama.

4. LATAR BELAKANG PENGURUSAN PEROLEHAN PERABOT BAGI CADANGAN PEMBINAAN SEMULA KEM BATALION 5, PASUKAN GERAKAN AM, SIMPANG RENGGAM, JOHOR.

Cadangan pembangunan semula Kem Batalion 5, PGA Simpang Renggam, Johor telah diluluskan oleh Kerajaan untuk dilaksanakan oleh PBLT yang melibatkan 3 pakej dengan nilai keseluruhan berjumlah RM320.40 juta.

Peruntukan bagi membiayai kerja penyenggaraan dan perolehan perabot alih untuk pembinaan kuarters dan fasiliti PDRM oleh PBLT adalah tidak termaktub di dalam dokumen perjanjian *Project Development and Management Agreement* (PDMA) yang telah ditandatangani antara pihak Kerajaan dengan PBLT pada 3 Disember 2010. PDRM telah diluluskan peruntukan di bawah butiran Projek Perolehan Perabot Projek-projek PBLT dan *Private Finance Initiative* (PFI) PDRM berjumlah RM13.30 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) bagi tahun semasa 2013 oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada 29 Oktober 2012 untuk 24 projek. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM12.37 juta (93.0%) telah dibelanjakan pada tahun 2013 dan baki sejumlah RM0.93 juta belum dibelanjakan.

Perolehan perabot untuk Batalion 5, PGA Simpang Renggam telah diuruskan oleh PGA Briged Tengah dengan mempelawa 5 sebut harga yang berlainan pada bulan Oktober dan November 2013. Pusat Tanggungjawab (PTJ) bagi Batalion 5, PGA Simpang Renggam adalah adalah Briged Tengah dengan Komander Briged Tengah merupakan Ketua Pusat Tanggungjawab.

5. HASIL PERBINCANGAN.

Sesi perbincangan dimulakan dengan penjelasan awal mengenai isu yang berkenaan oleh Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) kepada PAC Parlimen.

Selanjutnya, pihak yang terlibat dengan isu yang dibangkitkan iaitu Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang diwakili oleh YBhg. Dato' Alwi Bin Hj. Ibrahim, Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Dalam Negeri dan YDH Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah iaitu Pengarah Jabatan Sumber Strategik dan Teknologi PDRM manakala wakil daripada syarikat Pembinaan BLT Sdn. Bhd. iaitu En. Noor Azman Bin Embi telah dipanggil untuk memberikan keterangan. Perkara yang dibincangkan secara umumnya diringkaskan seperti berikut:

5.1. Penjelasan Awal Oleh Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan).

Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) telah memaklumkan mengenai hasil kajian terhadap Pengurusan Perolehan Perabot Bagi Cadangan Pembinaan Semula Kem Batalion 5, Pasukan Gerakan Am, Simpang Renggam, Johor. Isu yang dibangkitkan dan dibincangkan lebih tertumpu kepada isu berkaitan bayaran dibuat sebelum perabot dibekalkan (*improper payment*) dan dokumen palsu bagi tujuan penyelesaian pembayaran.

- a. Bayaran Dibuat Sebelum Perabot Dibekalkan (*Improper Payment*).

Perolehan dan pembayaran perabot bagi Kem Batalion 5, PGA Simpang Renggam yang diuruskan oleh PGA Briged Tengah telah dibuat pembayaran penuh berjumlah RM760,150 pada 24 dan 27 Disember 2013 walaupun tiada sebarang perabot dibekalkan sebelum atau pada tarikh tersebut. Perabot di PGA Simpang Renggam hanya dibekalkan antara 30 Disember 2013 hingga 16 April 2014.

b. Dokumen Palsu Bagi Tujuan Penyelesaian Pembayaran.

Pembayaran perolehan ini telah disokong dengan invois yang telah diperakui bahawa barang-barang telah diterima dengan sempurna. Baucar bayaran juga telah disokong dengan dokumen sokongan yang lain seperti nota penghantaran daripada pembekal dan nota penerimaan barang yang dijana daripada sistem eperolehan. Semakan terhadap nota penghantaran yang diterima di PGA Briged Tengah dan PGA Simpang Renggam mendapati nota penghantaran yang berbeza telah dikemukakan oleh pembekal bagi penghantaran item perabot. Adalah didapati sejumlah 12 nota penghantaran telah diterima di PGA Simpang Renggam berbanding 5 nota penghantaran yang diterima di PGA Briged Tengah untuk tujuan pembayaran. Ini menunjukkan pemalsuan dan penipuan terhadap dokumen pembayaran telah berlaku dalam pengurusan perolehan perabot.

c. Beberapa kelemahan lain telah ditemui seperti yang berikut:

- i. perancangan perolehan perabot kurang teliti di mana bangunan masih belum mencapai peratusan siap yang mewajarkan perolehan perabot dibuat;
- ii. sebut harga tidak dipelawa daripada kontraktor tempatan di mana syarikat yang ditawarkan sebut harga adalah daripada syarikat yang beralamat di Bangi, Selangor; Shah Alam, Selangor dan Kuala Terengganu, Terengganu;
- iii. perolehan perabot tidak dibuat melalui kontrak pusat sistem panel dan kebenaran Perbendaharaan Malaysia tidak diperoleh terlebih dahulu;
- iv. spesifikasi khusus tidak ditentukan semasa tawaran sebut harga menyebabkan pengesahan barang tidak dapat dilakukan bagi memastikan barang yang diterima mengikut keperluan pembelian; dan
- v. peralatan belum dipasang/diuji dengan sempurna kerana bangunan masih belum siap dibina.

5.2. Keterangan dan Maklum Balas KSU Oleh Kementerian Dalam Negeri dan Pengarah Jabatan Sumber Strategik dan Teknologi, Polis DiRaja Malaysia.

KSU Kementerian Dalam Negeri telah memaklumkan bahawa projek pembangunan semula Kem Batalion 5 PGA Simpang Renggam ini telah diluluskan menerusi 3 buah pakej bernilai keseluruhannya RM320.40 juta bermula sejak tahun 2008 lagi. Pakej 2 dan 3 telah siap sepenuhnya manakala pakej 1 yang melibatkan 2 buah zon di mana zon B telah siap antara 60% ke 70% manakala zon A telah siap sepenuhnya. PGA simpang Renggam ini adalah projek yang dilaksanakan oleh PBLT. Bagi perolehan perabot ini, nilai waran yang disalurkan berjumlah RM800,000 dan telah disalurkan pada 14 Jun 2013 kepada PDRM untuk tujuan perolehan perabot. Kos perolehan perabot yang berjumlah RM800,000 ini tidak termasuk untuk kos projek.

5.2.1. Bayaran Dibuat Sebelum Perabot Dibekalkan (*Improper Payment*).

Pembayaran penuh berjumlah RM760,150 pada 24 dan 27 Disember 2013 walaupun tiada sebarang perabot dibekalkan sebelum atau pada tarikh tersebut adalah disebabkan seperti berikut:

- a. Pusat Tanggungjawab (PGA Briged Tengah) beranggapan bahawa waran peruntukan yang diluluskan perlu dibelanjakan dalam tahun semasa iaitu dalam tahun 2013 dan jika pembayaran tidak dibuat pembekalan

perabot tidak dapat dilaksanakan dan seterusnya menjelaskan pembekalan;

- b. Kurangnya maklumat awal atau pengetahuan dikalangan pegawai yang menguruskan perolehan;
- c. Ini merupakan urusan perolehan yang besar dan pertama dilaksanakan oleh Briged Tengah; dan
- d. Urusan perolehan dilakukan pada akhir tahun.

5.2.2. Dokumen Palsu Bagi Tujuan Penyelesaian Pembayaran.

Dokumen palsu tersebut bukan dalam konteks dipalsukan bagi menentukan ada pulangan persendirian tetapi bagi membolehkan pembayaran dibuat.

5.2.3 Bagi isu sebut harga tidak dipelawa daripada kontraktor tempatan dan perolehan perabot tidak dibuat melalui kontrak pusat sistem panel seperti yang telah dibangkitkan, Pusat Tanggungjawab mengakui kelemahan tersebut. Sebagai penambahbaikan pihak Ibu Pejabat PDRM telah mengaturkan kursus asas logistik, pengurusan logistik yang telah dijalankan dan dibuka untuk semua jabatan dalam PDRM.

**RUMUSAN & SYOR
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

❖ Bilangan 37/ 2015 pada Khamis 11 Jun 2015

6. RUMUSAN PAC PARLIMEN.

Secara keseluruhannya PAC Parlmen bersetuju dengan penambahbaikan yang dibuat bagi memantapkan pengurusan perolehan PDRM. Pengurusan perolehan perlu dilaksanakan dengan lebih teliti secara teratur dan cekap serta mendapat *best value for money* bagi setiap ringgit yang dibelanjakan.

Walau bagaimanapun, PAC Parlmen mahu KDN dan PDRM memperketatkan kawalan perolehan bagi mengelakkan berlaku lagi penyelewengan yang timbul daripada pembelian perabot Batalian 5, PGA Simpang Renggam.

7. SYOR PAC PARLIMEN.

- 7.1 KDN dan PDRM perlu membuat perancangan perolehan perabot dengan lebih teliti terutamanya bagi projek pembinaan di bawah PBLT memandangkan kos perabot tidak termasuk di dalam skop perjanjian;
- 7.2 Jabatan Sumber Strategik dan Teknologi PDRM, Bukit Aman perlu melaksanakan pemantauan lebih rapi ke atas semua perolehan yang dilaksanakan oleh PTJ untuk memastikan perolehan dibuat mengikut tatacara perolehan ditetapkan;
- 7.3 KDN/PDRM perlu mengenakan tindakan tatatertib atau surcaj terhadap mereka yang bertanggungjawab dalam pengurusan perolehan ini yang menyebabkan berlakunya *improper payment*. Perancangan dan pemeriksaan yang teliti perlu dibuat oleh

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
BERHUBUNG PENGURUSAN PEROLEHAN PERABOT
BAGI CADANGAN PEMBINAAN SEMULA KEM BATALION 5,
PASUKAN GERAKAN AM, SIMPANG RENGGAM, JOHOR**

KDN/PDRM sebelum meluluskan sebarang peruntukan untuk perolehan supaya tidak berlaku keadaan di mana peralatan/perabot telah diperoleh tetapi masih tidak dapat digunakan kerana bangunan/pejabat belum siap dibina.

- 7.4 Maklumat peralatan/perabot seperti bilangan kuantiti dan spesifikasi yang diperoleh perlu dikemukakan kepada pejabat yang menerima untuk memastikan peralatan/perabot yang dibekalkan adalah selaras dengan syarat dalam kontrak.
- 7.5 Pegawai yang diberi kuasa mengesahkan penerimaan barang hendaklah memastikan barang yang disahkan diterima sebenarnya telah diterima.
- 7.6 Kerajaan perlu memastikan perolehan dari kontraktor tempatan perlu diutamakan.

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara

**AGENDA MESYUARAT
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

❖ Bilangan 37/ 2015 pada Khamis 11 Jun 2015

LAMPIRAN A2

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA BIL 37/2015 PADA KHAMIS 11 JUN 2015 DI BILIK JAWATANKUASA 2, BANGUNAN PARLIMEN


| TARIKH / HARI / MASA | PERKARA | KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT |
|-------------------------|--|---|
| 11 Jun 2015 (Khamis) | <p><u>Polis DiRaja Malaysia</u></p> <p>1. Pengurusan Perolehan Perabut Bagi Cadangan Pembangunan Semula Kem Batalion 5, Pasukan Gerakan Am Simpang Renggam Johor</p> <p>2. Pengurusan Kuarters Polis DiRaja Malaysia</p> | <p><u>Kementerian Dalam Negeri</u></p> <ul style="list-style-type: none">• Polis DiRaja Malaysia• Jabatan Imigresen Malaysia |
| 11.00 pagi | <p><u>Jabatan Imigresen Malaysia</u></p> <p>1. Pengurusan Kuarters di Jabatan Imigresen Malaysia</p> | |

LAPORAN PROSIDING

❖ Bilangan 37/ 2015 pada Khamis 11 Jun 2015

Bil.37

Khamis
11 Jun 2015



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Mengenai:

**Pengurusan Perolehan Perabot Bagi Cadangan
Pembangunan Semula Kem Batalion 5, Pasukan
Gerakan Am Simpang Renggam, Johor**

Pengurusan Kuarters Polis DiRaja Malaysia

- Kementerian Dalam Negeri
- Polis DiRaja Malaysia

**PARLIMEN KETIGA BELAS
彭加拉吉三**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 2, BLOK A
BANGUNAN SEMENTARA, PARLIMEN MALAYSIA
KHAMIS, 11 JUN 2015**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

| | |
|---|-----------------------------|
| YB. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai] | - <i>Pengerusi</i> |
| YB. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] | - <i>Timbalan Pengerusi</i> |
| YB. Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] | |
| YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] | |
| YB. Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat] | |
| YB. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] | |
| YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah | - <i>Setiausaha</i> |

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]
 YB. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]
 YB. Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]
 YB. Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]
 YB. Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]
 YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
 YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]

URUS SETIA

Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Ketua Penolong Setiausaha (Perundangan dan Prosiding)]
 Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi [Pegawai Khas Pengerusi Jawatankuasa]
 Puan Siti Rohaini binti Roslan [Penolong Pegawai Teknologi Maklumat]

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara

YBhg. Datuk Haji Anwari bin Suri [Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)]
 Encik Chiew Koh Chon [Timbalan Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan
 (Kementerian Dalam Negeri)]
 Encik Ahmad bin Seli [Ketua Penolong Pengarah Sektor Pengurusan (Bahagian Susulan Audit)]
 Puan Sazlina binti Mat Isa [Ketua Penolong Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan
 (Kementerian Dalam Negeri)]
 Encik Dina Omar bin Fadzillah [Juruaudit Sektor Audit Kerajaan Persekutuan
 (Kementerian Dalam Negeri)]
 Puan Nina binti Zahari [Penolong Juruaudit Sektor Audit Kerajaan Persekutuan
 (Kementerian Dalam Negeri)]
 Puan Nor Azira binti Aziron [Penolong Juruaudit Sektor Audit Kerajaan Persekutuan
 (Kementerian Dalam Negeri)]
 Puan Murni binti Muxtar [Penolong Juruaudit Sektor Audit Kerajaan Persekutuan
 (Kementerian Dalam Negeri)]

samb/-

HADIR BERSAMA (*samb/-*)**Jabatan Audit Negara (*samb/-*)**

Puan Fadhilah binti Mohd Yasin [Penolong Juruaudit Sektor Audit Kerajaan Persekutuan
(Kementerian Dalam Negeri)]

Puan Norhanani binti Mohd Najib [Penolong Juruaudit Sektor Audit Kerajaan Persekutuan
(Kementerian Dalam Negeri)]

Encik Muhammad Iskandar bin Abdul Razak [Penolong Juruaudit Sektor Audit Kerajaan Persekutuan
(Kementerian Dalam Negeri)]

Cik Siti Fatimah binti Sulaiman [Penolong Juruaudit Sektor Audit Kerajaan Persekutuan
(Kementerian Dalam Negeri)]

Kementerian Kewangan

Encik Rosli bin Yaakub [Ketua Unit Parlimen & Kabinet]

Jabatan Perkhidmatan Awam

Encik Ali Badaruddin bin Abdul Kadir [Timbalan Pengarah Kanan Bahagian Perkhidmatan]

Jabatan Akauntan Negara

Puan Zuriyanti binti Abd Hamid [Ketua Penolong Pengarah Bahagian
Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi]

Unit Perancang Ekonomi

Encik Ahmad bin Ali [Timbalan Pengarah Seksyen Keselamatan dan Ketenteraman Awam]

Encik Mohd. Rizal bin Nawabjam [Penolong Pengarah Seksyen Keselamatan dan Ketenteraman Awam]

SAKSI-SAKSI**Kementerian Dalam Negeri**

YBhg. Dato' Alwi bin Haji Ibrahim [Ketua Setiausaha]

Tuan Haji Zainal Abidin bin Abu Hassan [Setiausaha Bahagian Kanan (Pembangunan dan Perolehan)]

YBhg. Dato' Othman bin Yusof [Setiausaha Bahagian Penasihat Undang-undang]

YBhg. Dato' Nor Ashikin binti Haji Md Salim [Setiausaha Bahagian Kewangan]

Encik Mohammad Soib bin Abdullah [Setiausaha Bahagian (Unit Integriti)]

Puan Kamariah binti Mohd Noah [Setiausaha Bahagian Pembangunan]

Encik Johari bin Ismail [Ketua Audit Dalam]

Encik Mohammad Hafizie bin Putit [Timbalan Setiausaha Bahagian Pembangunan]

Puan Attia Azarina binti AmirLudin [Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Kewangan]

Cik Haslinda binti Abd Gahni [Penolong Setiausaha Bahagian Pembangunan]

Encik Mohd Faiz bin Zainol Abidin [Penolong Setiausaha Bahagian Kewangan]

Puan Noor Zahariah binti Samat [Penolong Pegawai Tadbir Bahagian Kewangan]

Polis Diraja Malaysia

YBhg. Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah [Pengarah Jabatan Sumber Strategik dan Teknologi]

YBhg. Dato' Zulkapli bin Ahmad [Timbalan Pengarah Jabatan Sumber Strategik dan Teknologi]

Tuan Coursesenu bin Ibrahim [Penolong Pengarah Jabatan Pengurusan]

Cik Kamariah binti Abdullah [Jabatan Sumber Strategik dan Teknologi]

Jabatan Imigresen Malaysia

YBhg. Dato' Mustafa bin Haji Ibrahim [Ketua Pengarah]

Encik Mohd Danil bin Husni [Pengarah Bahagian Kewangan]

Encik Azhar bin Abdul Hamid [Timbalan Pengarah Kewangan (Seksyen Pembangunan)]

Encik Emeyusrezal bin Daud [Timbalan Pengarah Bahagian]

Encik Norazan bin Jenal [Penolong Pengarah Kewangan]

Puan Maidatu Saadiah binti Tubiran [Ketua Pembantu Tadbir Kewangan (Seksyen Pembangunan)]

(*samb/-*)

SAKSI-SAKSI (*samb/-*)

Pembinaan BLT Sdn. Bhd.

Encik Noor Azman bin Embi [Bahagian Pengurusan Projek dan Tanah]

Encik Yusoff bin Awang [Bahagian Pengurusan Projek dan Tanah]

Encik Saluddin bin Alimon [Pengurus Projek Batch 1]

LAPORAN PROSIDING

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS, PENGGAL KETIGA**

Khamis, 11 Jun 2015

Bilik Jawatankuasa 2, Tingkat 1, Blok A, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.13 pagi

*[Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed
mempengerusikan Mesyuarat]*

Tuan Pengerusi: Selamat pagi saya ucapkan kepada Timbalan Pengerusi, Ahli-ahli Jawatankuasa PAC, Datuk Haji Anwari, pegawai-pegawai dari Jabatan Audit, wakil-wakil kementerian seterusnya hadirin sekalian.

Selamat datang ke Mesyuarat PAC kita pada pagi ini yang khusus untuk hendak membincangkan mengenai ataupun kita akan menjemput Kementerian Dalam Negeri untuk mendengar penjelasan berkenaan dengan pengurusan tiga projeknya yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2014 Siri Pertama, yang juga melibatkan dua buah agensi di bawah iaitu pihak Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia. Isu yang dibangkitkan di Polis Diraja Malaysia mengenai pengurusan perolehan perabot bagi cadangan pembangunan semula Kem Batalion 5, Pasukan Gerakan Am Simpang Renggam di Johor, dan keduanya pengurusan kuarters Polis Diraja Malaysia. Di bawah Jabatan Imigresen pula, pengurusan kuarters di Jabatan Imigresen Malaysia.

Isu ini saya rasa kita harus tumpukan juga kerana ia menyebabkan perolehan yang telah dilaksanakan tetapi pembayaran dibuat walaupun pembekalan belum disempurnakan. Jadi ini ada kes yang berunsur rasuahlah. Jadi elok untuk kita fokus pada hari ini dan mendapatkan penjelasan yang seterusnya daripada pihak polis.

Jadi untuk makluman, Dato' Sri Mustapa Mohamed hendak guna bilik ini pukul 1.30 petang. Jadi saya rasa kita kena tamatkan prosiding kita lebih awal sedikitlah, pukul 1 kah?

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Dia datang 1.30?

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Dia datang 2.30.

Tuan Pengerusi: Pukul 2.30? Okey. Jadi 1.30 lah paling lewat pun, takut tidak habis ini. Mungkin kita boleh tangguhkanlah. Jadi saya cadangkan kita fokus kepada pihak polis dululah, ya. Imigresen, kalau habis kita boleh panggil imigresen tetapi kalau tidak habis, kita tangguh imigresen ke hari lain. Jadi tanpa melengahkan masa lagi, Datuk Haji Anwari ada apa-apa ulasan lagi yang terbaru?

Datuk Haji Anwari bin Suri [Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi, salam 1Malaysia.*

Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, Pengerusi PAC; Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw, Naib Pengerusi PAC; Ahli-ahli Yang Berhormat Ahli PAC; Tuan-tuan dan Puan-puan wakil-wakil kementerian.

Sebagaimana disebut tadi, tiga tajuklah di bawah Kementerian Dalam Negeri. Pertamanya pengurusan perabot di Kem Batalion 5, Simpang Renggam. Kedua, pengurusan kuarters PDRM. Ketiga, pengurusan kuarters Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). Bersama-sama saya Yang Berhormat, Encik Chiew Koh Chon, Timbalan Pengarah Audit KDN bersama team Audit, dan juga Bahagian Susulan Audit. So, Bahagian Susulan Audit tahuolah status mana isu-isu yang kita bangkitkan setakat hari ini.

Jadi untuk pengurusan perabot, ini adalah untuk dibekalkan kepada bangunan-bangunan yang belum siap, yang sedang dilaksanakan oleh Pembinaan BLT Sdn. Bhd. yang melibatkan tiga buah pakej dengan nilai keseluruhan RM320.40 juta. Namun, pihak kami tidak menjalankan pengauditan kontrak pembinaan, kita fokus kepada perabot sahaja. So, sebagaimana jadual 1, ditunjukkanlah senario projek di Kem Batalion 5, Simpang Renggam... *[Merujuk kepada slaid pembentangan]*.

So, status kemajuan untuk Pakej 1 ini ialah 56%, dan Pakej 2 dan juga Pakej 3. Bagi perolehan perabot untuk Batalion 5 telah diurus oleh PGA Briged Tengah di Cheras, Kuala Lumpur dengan mempelawa lima sebut harga yang berlainan pada bulan Oktober dan November 2013. Ada lima dan jumlahnya RM760,150. Ini baru satulah.

Kalau kita lihat kepada Laporan Audit, sebenarnya ada 24 buah projek meliputi IPK Sabah, IPK Lahad Datu, bangunan baru IPK Kuala Lumpur dan seterusnya IPD Sentul. So, kos keseluruhan jumlah yang diluluskan RM13 juta dan jumlah perbelanjaan RM12.37 juta dengan prestasi perbelanjaan 93%.

Tuan Pengerusi: Yang ini...

Datuk Haji Anwari bin Suri: Ini kita fokus kepada yang nombor 12, Kem Batalion 5, PGA Simpang Renggam, Johor.

Tuan Pengerusi: Datuk, ini semua *central procurement* kah ataupun *procurement* di lokasi?

Datuk Haji Anwari bin Suri: Yang ini di...

Encik Chiew Koh Chon [Timbalan Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan (Kementerian Dalam Negeri), Jabatan Audit Negara]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Ia *central procurement*?

Encik Rosli bin Yaakub [Ketua Unit Parlimen & Kabinet, Kementerian Kewangan]: Agensi, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Agensi sahajalah? Akan tetapi agensinya di peringkat ibu pejabat ataupun dekat cawangan sahaja?

Datuk Haji Anwari bin Suri: Briged Tengah Cheras, Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi: Briged Tengah ini macam...

■1120

Datuk Haji Anwari bin Suri: IPD.

Tuan Pengerusi: Macam mana dia punya kawasan dia?

Encik Chiew Koh Chon: Untuk maklumat Tuan Pengerusi, contohnya untuk yang Simpang Renggam ini, dia punya perolehan dibuat oleh PGA Cheras, ibu pejabat dia. Dia yang panggil sebut harga. Di sana lima sebut harga. Selepas itu baru minta pembekal semua hantar ke Simpang Renggam. So, dibuat oleh ibu pejabat.

[Pembentangan dibuat dengan merujuk paparan slaid]

Datuk Haji Anwari bin Suri: Next slide. Ini gambar di lokasi. Saya tunjukkan gambar ini sebab ada hubung kait dengan *supply furniture*. Sepatutnya *furniture* ini belum boleh diorder disebabkan status, kalau kita lihat pada lawatan audit pada 14 Mac itu baru 39% dan juga 73% bagi Mes Pegawai Kanan. So, yang lain-lain itu sudah siap.

Next, *scope auditing*. Kita ambil satu sahajalah. Sebagaimana saya sebutkan tadi. Kita tidak ambil secara keseluruhan. Kami mengharapkan pihak Unit Audit Dalam boleh lebih fokus kepada lokasi-lokasi lain.

Next, terus kepada isu. Mungkin Encik Chiew boleh sambung. So, yang serius di sini ialah isu *improper payment*, Yang Berhormat.

Encik Chiew Koh Chon: Selamat pagi dan salam sejahtera Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

So, berkenaan dengan kajian perolehan perabot bagi cadangan PGA Simpang Renggam ini, isu pertama, *actually the main issue is improper payment*. Kalau kita lihat daripada isu yang kita laporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara, kita nampak bahawa Ibu Pejabat PGA Briged Tengah di Cheras, dia telah membuat perolehan melalui lima sebut harga pada Oktober dan November 2013. Bayaran penuh bagi lima sebut harga ini telah dibuat pada 24 dan 27 Disember 2013. Bagaimanapun, waktu bayaran itu dibuat, barang-barang ini semua belum diterima oleh PGA Simpang Renggam. PGA Simpang Renggam cuma menerima barang itu pada 30 Disember 2013 hingga waktu kita lawatan pun ada yang belum hantar, dan waktu kita lawatan pun ada yang tengah hantar. Ini isu yang pertama.

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Encik Chiew Koh Chon: Buat pada 24 Disember 2013, tetapi pembekalan dibuat pada 18 Februari dan yang paling teruk- itu kita lihat yang satu. Untuk yang kedua, dari MA Technologies System, *the last* pembekalan dibuat pada 16 April di mana lawatan audit, kita telah buat pemeriksaan fizikal pada 1 April dan 2 April 2014. So, kita rasa *this is improper payment* sebab *you* bayar sebelum bekalan diterima. Next.

Isu yang seterusnya kita kata dokumen palsu. Untuk membolehkan bayaran dibuat pada 24 dan 27 Disember, oleh sebab dalam bayaran *you* perlu sertakan dengan dokumen *invois*, *you* perlu sertakan dengan nota hantaran, so pembekal ini dia *generate* nota hantaran itu daripada sistem ePerolehan. Oleh sebab lima orang pembekal, so lima Nota Hantaran berasingan.

So, pembekal yang *submit the invoice* dengan nota hantaran. Bagaimanapun, nota hantaran ini di pihak PGA Cheras, mereka sahkan bahawa *actually* barang-barang itu diterima. Apabila kita buat semakan di PGA Simpang Renggam, kita nampak untuk tujuan bayaran dia ada lima nota hantaran, tetapi yang sebenarnya dihantar dekat ini, Nota Hantaran yang dihantar sampai *the latest*, sampai 16 April, so, *all together there are 16 Nota Hantaran bagi lima pembekal ini*. So...

Encik Rosli bin Yaakub [Ketua Unit Parlimen & Kabinet, Kementerian Kewangan Malaysia]:
Mr. Chiew, I think you explain to the Committee, siapa yang seharusnya menyediakan Nota Hantaran untuk...

Encik Chiew Koh Chon: Dalam sistem ePerolehan, untuk sesuatu bayaran itu dibuat, *you* pembekal, sebelum *you* boleh menuntut sesuatu, *you* kena hantar barang, *then you* mesti generate the Nota Hantaran dari sistem ePerolehan. So Nota Hantaran itu *you* hantar. Apabila *you* buat Nota Hantaran, *then* penerima mesti sahkan bahawa barang-barang itu telah diterima. Selepas itu, dia sertakan dengan invois dan invois akan dibuat pengesahan bahawa perkhidmatan ini telah dibuat secara rasmi. So, ini support the document. Untuk bayaran pada 24 dan 27 Disember 2013, semua dokumen, lima buah dokumen ini, dan pengesahan oleh pegawai di PGA Cheras telah dilaksanakan.

Tuan Pengerusi: Nota Hantaran itu diisi di tempat lokasi terima, bukan?

Encik Chiew Koh Chon: Bukan. Nota Hantaran itu dia generate daripada sistem. Sebab ini semua pakai sistem ePerolehan, so *they generate* dari sistem bahawa barang itu saya telah hantar. *That is why they generate the nota hantaran*, tetapi dokumen ini telah disahkan oleh pegawai di PGA Cheras.

Encik Rosli bin Yaakub: Dalam sistem ada tidak?

Encik Chiew Koh Chon: Ada.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Encik Chiew Koh Chon: Okey, kita kata palsu macam ini. Palsunya macam ini sebab waktu dia buat Nota Hantaran, *actually* sepatutnya benda ini tidak wujud. Ini kerana bila dihantar kemudian, baru ada 12 Nota Hantaran yang sebenar dihantar pergi nota hantar. Palsu ini bukan di peringkat PGA Cheras. Kita kata daripada pembekal, pembekal yang bekalkan itu barang. Sepatutnya Nota Hantaran itu tidak wujud lagi. Isu, dia *happened*.

Tuan Pengerusi: So, ePerolehan punya sistem ini hanya boleh di input dengan output di ibu pejabat sahaja?

Encik Chiew Koh Chon: Even the pembekal *they can print also* sebab dia *can go through the system*.

Tuan Pengerusi: Jabatan Akauntan Negara, apakah punya sistem ini? Mengarut punya sistem kalau- *check and balance* dia mana ini?

Puan Zuriyanti binti Abd Hamid [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi), Jabatan Akauntan Negara]: No. *Actually* dekat pembekal yang berdaftar di bawah ePerolehan, dia macam masa hendak tender atau sebut harga, semua dia sudah masuk melalui ePerolehan.

So di peringkat pembekal sendiri dia akan generate dokumen-dokumen itu untuk- macam dimaklumkan, sepatutnya DO itu dicetak masa menghantar barang. Cuma saya nampak dia di sini, barang tidak terima tetapi sudah ada pegawai yang mengesahkan penerimaan.

Tuan Pengerusi: Jadi maknanya, you buat *improvement* tidak pada sistem?

Encik Rosli bin Yaakub: Tidak. Tuan Pengerusi, boleh saya jelaskan sedikit? Sistem ePerolehan ini Tuan Pengerusi, dia sebenarnya pembekal yang berdaftar dengan sistem ePerolehan ini, dia memang boleh *access the system* untuk membekalkan barang. Akan tetapi dalam kes yang audit masuk ini ialah dia generate borang itu, tetapi sepatutnya borang itu dihantar berserta dengan barang. Akan tetapi di peringkat pertama ini dia generate borang dahulu *and then* akuan terima telah ditandatangani oleh pegawai yang mengatakan barang sampai. Itu sepatutnya tidak harus berlakulah.

Sepatunya yang harus berlaku bagaimana? Sepatutnya yang harus berlaku begini. Semasa dia generate borang itu, barang sudah ada, dihantar ke lokasi, pegawai *sign*. Dalam kes ini, audit kata dia macam palsulah. Diterima sebagai macam palsu. Maknanya borang digenerate, barang tidak ada.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Hendak tanya, Tuan Pengerusi. Ini kalau daripada lima ini satu yang berlaku dan empat tidak, boleh kita rasa tidak pelik sangat juga. Tapi kalau kelima-lima sekali buat begitu, *that's mean organize crime*.

Tuan Pengerusi: Ya lah...

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Sorry Tuan Pengerusi. Dan lima itu, yang aku terima itu pegawai yang sama atau lain-lain?

Encik Chiew Koh Chon: Orang yang sama di PGA Cheras, ibu pejabat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: *The one guy who organize everything.*

Tuan Pengerusi: Oleh sebab itu saya kata tadi, benda ini kalau audit tidak buat *check*, bertahun-tahun tidak tahu ini. So Jabatan Akauntan Negara, you kena *improve* you punya *internal control system* ini. Macam ini senang sangat hendak buat ini. Boleh palsu dokumen, boleh apa semua, senang sangat ini.

■1130

Datuk Haji Anwari bin Suri: Kita pun ragu di lokasi yang lain itu, yang saya sebut tadi, 24.

Puan Zuriyanti binti Abd Hamid: Untuk makluman, yang sistem ePerolehan ini, *actually* dia di luar bidang kuasa sebab dia memang kita buat untuk *expedite* di peringkat pembekal. So yang masalahnya sekarang penerimaan yang- sebab kita bila terima barang, kita kena sahkan bekalan itu lengkap dan sempurna. So isunya sekarang, barang tidak terima, so kita tahu perolehan itu tidak sempurna dan sepatutnya tidak disahkan. Sebab, bila dia buat bayaran, kita *based on documentation*. Sebab, yang menerima itu di bahagian lain, yang mengesahkan penerimaan barang, tetapi yang buat bayaran di Unit Kewangan, kita *based on* pengesahan dia. So, pegawai telah mengesahkan bekalan diterima dengan sempurna, *that's why* bayaran dibuat.

Tuan Pengerusi: Tak, saya tahu tetapi maksud saya tadi, sistem ini dah patut diperketatkan lagi supaya tak lah sampai Audit dah masuk baru dapat tahu.

Patutnya sekarang ini ada boleh ambil gambar, boleh dapat pengesahan yang lebih tepat kan daripada nak tunggu *documentation* sahaja. Tengok cara nak *improvekan* sistemlah. Kalau tak, senang betul semua orang nak tipu ini.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Pegawai yang mengesahkan penerimaan ini daripada mana?

Encik Chiew Koh Chon: Untuk makluman Yang Berhormat, pegawai dari PGA Cheras. Ibu pejabat.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Pegawai yang mengesahkan penerimaan di Cheras?

Encik Chiew Koh Chon: Cheras. Dia ada dua. Untuk tujuan bayaran, disahkan oleh Cheras, ada lima nota hantaran yang saya sebut tadi. Akan tetapi yang sebenarnya dihantar pergi Simpang Renggam itu, ia ada 12 nota hantaran di mana yang pengesahan itu dibuat oleh pegawai-pegawai di Simpang Renggam. Simpang Renggam sahkan. Akan tetapi, Simpang Renggam itu yang sahkan itu, mereka pun tidak tahu apa yang sepatutnya diterima. Dia cuma terima apa yang dihantar, dia sahkan barang itu sahaja. Sama ada barang yang diterima itu sepatutnya tak- *they don't have the details. They don't know.*

Dato' Kamaruddin bin Jaffar: Benda tak datang pun. Kalau dia datang misalnya dia tempah meja, kerusi datang, siling ke apa, boleh dia kata dia tak tahu asalkan benda datang saja. Ini pun dia tak tahu, tak adapun. *There is no basis to sahkan apa-apa sebenarnya.*

Encik Chiew Koh Chon: Tuan Pengerusi, satu saya nak tambah. *Actually the system ePerolehan, I think the system is okay.* Cuma bila untuk tujuan buat bayaran itu, pembekal yang pergi cetak. Pembekal *you know, because you already register with the Kementerian Kewangan sebagai pengguna ePerolehan, you boleh generate you punya ePerolehan punya nota hantaran, you boleh generate e-Perolehan punya invois semua ini.* Akan tetapi, *you punya tanggungjawab macam tadi itu kementerian cakap, you kena hantar barang itu baru dia buat sahkan tetapi tak. You generate itu macam sepakat dengan peringkat ibu pejabat. You sahkan itu benda untuk buat bayaran.* Akan tetapi *the system, semua orang pakai itu okey.*

Tuan Pengerusi: *I know but then if you can do coalition to circumvent the system, then the system no goodlah.*

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Gambar satu ini apa?... [Merujuk kepada slaid pembentangan] *Payment voucher*kah apa ini?

Encik Chiew Koh Chon: Bukan. Gambar yang kita tunjuk ini *is the nota hantaran.* Yang gambar satu itu, nota hantaran di mana pembekal dia hantar, *submit* dengan invois tuntutan kepada pihak PGA Cheras untuk bayaran. Yang satu lagi di sebelah, gambar dua itu, yang sebenarnya dihantar pergi Simpang Renggam yang sebenar di mana dihantar kemudian selepas bayaran dibuat.

Tuan Pengerusi: Untuk saya, macam sistem SAP apa semua, dia kena orang dekat *location* itu *clear* dulu baru *payment* boleh *clear*. Bukannya ibu pejabat *generate the documentation*, lepas itu dia *generate the order*, lepas itu dibayar. Itu memang patut kena...

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Gambar satu ini *is a delivery order kan?*

Encik Chiew Koh Chon: Yes, yes.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *Delivery Order* yang dikatakan pembayaran palsu lah. Dokumennya tak palsu. Maklumatnya yang palsu. Ini 22 Disember ya, tetapi dua hari kemudian pada 24 hari bulan dia bayar ya? *Very efficientlah. Okey.* Gambar kedua ini pula saya tak faham, tak pernah saya tengok ini. *Temporary DO.* Apakah maksudnya *temporary DO? Is that acceptable document? Temporary delivery order.* Ini kali pertamalah. Saya pernah ada sedikit-sedikit bermiaga kecil-kecil ya tetapi *temporary Delivery Order to me is new.*

Dato' Kamaruddin bin Jaffar: *Delivery, delivery* lah.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Tak, maknanya *temporary* lah ya.

Encik Chiew Koh Chon: Untuk makluman Yang Berhormat, *actually this the document* yang kami jumpa dekat Simpang Renggam. Bila kita buat lawatan fizikal dekat Simpang Renggam, kita nampak sana diterima itu barang *based on a temporary DO* yang pembekal hantar bagi mereka dengan barang-barang itu. Akan tetapi, pengesahan dibuat oleh pegawai di Simpang Renggam.

Tuan Pengerusi: Itu sebab saya kata Jabatan Akauntan Negara, *there is a big loophole in your system, kan. You better look into improving the internal control.*

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *And Audit detect this once you do the physical check lah?*

Encik Chiew Koh Chon: Ya. Kita spot check...

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Spot check di tempat lokasi ya.

Tuan Pengerusi: *If you did not do the spot check, how many years tak tahu.*

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Kenapa you pergi ya?

Encik Chiew Koh Chon: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat, *actually* mengapa kita Audit *check ini-* saya bagi sedikit latar belakang. See, *actually in the beginning*, kita tak buat satu kajian tentang perolehan perabot untuk Simpang Renggam sebab waktu kita nak mengesahkan dia punya akaun, dia punya baucar bayaran, *we pick the voucher.* So, kita *pick voucher*, kita *pick* dengan PGA Cheras sebab semua bayaran dibuat PGA Cheras. So, kita buat macam kita kata *during the our interim audit.* So, interim audit kita nampak bayaran begitu besar, kita tengok ada maklumat daripada segi pencapaian fizikal projek di Simpang Renggam. Ada yang pencapaian fizikalnya tak sampai- *50% to 70%* sahaja, beberapa percent sahaja. So kalau kita beli sekarang, barang yang kita beli, mana nak simpan?

Then the other one kita ada maklumat juga kata *quite a number of it*, dia kata barang tak sampai. So bila kita buat bulan Mac itu, so pegawai atasan arahkan serta-merta kita pergi lawatan, pergi itu *site* tengok. So, bila kita pergi itu, kita nampak ada lori sampai. Kita boleh nampak dalam Laporan Ketua Audit Negara, ada lori, itu barang baru sampai. *That's why we do the audit* untuk ini.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Tender ini apa ini? *This open tender kah atau direct nego?*

Encik Chiew Koh Chon: Sebut Harga.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Sebut Harga ya?

Encik Chiew Koh Chon: Dia ikut peraturan, dia panggil semua kelima...

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: So yang proses semua ini, dokumen ini, *uniform staff* kah *civilian*?

Encik Chiew Koh Chon: Banyak yang melibatkan *uniform staff*. *That's why* kita *during exit conference*, mereka pun mengaku dekat PGA Cheras mereka tak ada satu seksyen atau unit logistik untuk menguruskan ini. Dia kata mereka kurang tentang peraturan kerajaan dan sebagainya. *Actually* tujuan pertama yang dibayar ini, dia kata nak habiskan dia punya peruntukan.

Tuan Pengerusi: So, pegawai polis yang ada paku pun tak reti akaun sikit?

Encik Rosli bin Yaakub: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Kerani dekat syarikat biasa boleh uruskan akaun, jadi yang polis paku tiga, kah apa tak reti nak uruskan audit akaun biasa? Akan tetapi, ini Kementerian Kewangan pun patut dipersalahkan. Prosedur *you hancur*.

Encik Rosli bin Yaakub: Tuan Pengerusi, boleh saya cakap sedikit? Okey, begini. *Actually* kalau asal kita ada kesilapan kita nak ubah tiang gol, saya ingat masalah tak selesai. Tiang gol *means* peraturan kerajaanlah. Tidak ada alasan pegawai kerajaan bila dia masuk kerja dengan kerajaan, dia mengatakan dia tak tahu, *because of* pekeliling kerajaan ini boleh di akses *at any website*. Dia kena tahu.

Tuan Pengerusi, saya nak cakap benda ini sebabnya dah banyak kali dah saya tengok benda ini, alasannya dia kata dia tak tahu, satu, dan dia kata dia nak habis belanja.

That's why banyak benda berlaku bulan Disember. Ini *Christmas shopping* semua ini. Dia macam ini, Tuan Pengerusi. Baru-baru ini kita ada satu kes guru-guru, ini pengarah politeknik semua ini, semua perbelanjaan bulan Disember dan dia macam ini juga kesnya, dibayar, barang tak sampai. Dia punya persepsi, belanja pembangunan dengan belanja mengurus ini dia tak faham. Belanja pembangunan, kalau *you tak habis belanja bulan Disember, you boleh carry forward*. Belanja pengurusan kalau *you tak habis, habis*. Ini dalam ini, ini belanja pembangunan. Ia boleh *carry forward*.

Jadi yang bawah-bawah ini yang pakai uniform yang bukan PTD ini sebenarnya dia kurang faham. *I mean*, yang biasa buat perolehan lah yang kewangan, dia tak berapa faham sangat. Dia ingat benda ini bila tak belanja, habis. Jadi dia cuba belanja walaupun dia tak terima barang, dia kata dah belanja. Akan tetapi, sebenarnya inilah kesannya berlaku.

Tuan Pengerusi: Tak, soalnya sekarang ini mungkin peraturan *you pun dah outdated*. Mana boleh *you centralized* semua pada satu *department* saja keluarkan tender sebut harga, bayar sama. Tak ada dia punya *corresponding check* dekat tempat penerima dan sebagainya. Sebab itu tadi soalan pertama saya tanya, benda ini *centralized* punya ini kah ataupun dibeli di lokasi? Mungkin sistem yang *you pakai itu pun*, sistem IT *you pakai itu bukan sistem IT yang up to date lah yang boleh buat built in punya check, internal control* semua. Sistem cara lama lah, tetapi kita dah *going forward to accrual accounting* pun.

■1140

Benda ini saya harap kalau bilalah, saya *qualified statement* saya, kalau bilalah *accrual accounting* ini dilaksanakan- sekejap kata tahun 2015, sekejap kata tahun 2018, silap-silap tahun 2030 pun tak laksana lagi- peraturan Kementerian Kewangan pun, Arahan Perbendaharaan pun kena *upgrade* juga. Jangan nanti Arahan Perbendaharaan itu masih berdasarkan sistem *cash accounting* tetapi kita sudah masuk *accrual accounting*. Selepas itu, sistem pun sepatutnya yang kita boleh *upgrade* itu, sebenarnya sekarang ini sudah murah sudah hendak *upgrade* sistem, bukan mahal sangat. Walaupun nampak macam puluh juta tetapi dibandingkan dengan ini, sekali punya curi ini, hilang banyak itu. Jadi Kementerian Kewangan kena tengok hal ini jugalah. Buat persiapan sekarang, jangan sampai *last minute* baru hendak buat. Itu yang berterburu itu.

Encik Rosli bin Yaakub: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Pengerusi: Tak, itu yang saya cakap tadi. Dalam sistem sekarang ini, bila pergi *online*, you sudah boleh buat *clearance*, tak payah hendak *sign* kertas lagi. *Digital signature*.

Encik Rosli bin Yaakub: Akan tetapi Tuan Pengerusi, kalau betul-betul ada integriti pegawai ini, dia bagi palsu ini pun sudah boleh *report* polis sepatutnya. Dia sudah nampak depan mata *criminal case*, tahu.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Pergilah. Polis hendak *report* polis kah? [Ketawa]

Tuan Pengerusi: Tak, itu polis yang sepatutnya tahu undang-undang. Yang banyak jabatan lain? Dekat Sabah dan Sarawak? Lagi tak tahu macam mana dia punya keadaan dia. Jadi, untuk saya, *the only way is having an online IT system* yang *robust* lah. Sekarang ini pun sudah banyak sudah *standardized* punya sistem. Bukannya hendak kena *build up system* lagi. Mahallah, saya faham. Akan tetapi, *one time investment is better than...* [Disampuk] The software itu kan? Macam ini, memang you sengaja buka *loophole* untuk orang mereka tipu. Yang ini lagi *best*, polis lagi tak takut dia. Terang-terang dia buat. Nasib baik Audit masuk. Kalau Audit tak masuk, tak tahu.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Tuan Pengerusi, hendak tanya Jabatan Audit sahaja lah. *When the actual date barang perabot dihantar, did you check that the materials that arrived are really there, ada tak?*

Encik Chiew Koh Chon: Untuk makluman Yang Berhormat, *actually* macam tadi saya sebut. *Actually* untuk bayaran ini dibuat pada 24 Disember 2013 dan 27 Disember 2013 dan pembekalan semua dibuat mulai 30 Disember 2013 sehingga 16 April 2014.

Bila kita buat lawatan pergi Simpang Renggam pada 1 dan 2 April 2014, *quite a number of the item* masih belum dihantar lagi. Ada juga barang-barang di mana waktu lawatan audit itu, lori baru sampai, dia baru hendak hantar. Seperti ditunjukkan dalam Laporan Ketua Audit Negara, kita ada gambar-gambar yang di mana kita tangkap ada lori dia sedang hantar barang.

Tuan Pengerusi: Itu belum tengok kualiti lagi. Saya sudah biasa pergi balai polis, saya tengok hancur sahaja barang dia. Bukan barang yang...

Encik Chiew Koh Chon: Kita ada bangkit isu kualiti.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Your spot check leaked out lah ya? You went for spot check, tengok-tengok sudah deliver lah ya, hari itu yang sama lah?

Encik Chiew Koh Chon: Ya.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Tak rahnialah...

Encik Chiew Koh Chon: Kita hendak membuat lawatan, kita kena *inform* HQ kita hendak pergi, courtesy. That's why mungkin HQ beritahu sana, cepat-cepat hantar.

Beberapa Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Pengerusi: Ini hari kalau kita marah polis, macam mana? Mereka tangkap kita tak? [Ketawa] Kita pun masa dah tak banyak. Banyak lagi hendak beri taklimat ini?

Encik Chiew Koh Chon: Untuk yang Simpang Renggam, keseluruhan *is this issue*. Yang lain is macam *specification*, Simpang Renggam dia tak tahu apa yang sepatutnya diterima, dia punya *specification* dan sebagainya itu kita ada bangkitkan di belakang. Akan tetapi, *the main issue* adalah yang ini, *improper payment*. Tengok gambar.

Tuan Pengerusi: Tengok MoF. Di lokasi, mereka tak tahu apa barang yang mereka sepatut terima. Maknanya barang yang dibeli untuk mereka ini bukan mereka tahu pun apa yang diperlukan. Selalunya *user* lah yang minta, bukannya...

Encik Chiew Koh Chon: Tuan Pengerusi, ini dia waktu kita audit, lori baru sampai... [Merujuk kepada *slaid pembentangan*]

Encik Rosli bin Yaakub: Tuan Pengerusi, kita juga akan buat satu surat kepada semua Kementerian- ia macam ini. Contohnya macam tender di Kementerian Pendidikan, *actually* cikgu tak tahu yang pengawal keselamatan punya, apa di dalam tender itulah kan. Jadi kita akan minta bahawa KSU kena beri dokumen tender itu kepada guru besar supaya dia faham. Kita akan buatlah.

Tuan Pengerusi: Macam cerita sistem sekuriti sekolahlah itu hari. Bila *Central Contract* sahaja, ini jadi masalahlah.

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Pengerusi: Satu lagi, Arahan 304 sudah buat belum? Sudah? Okey.

Beberapa Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Pengerusi: Ingatkan sahaja.

Encik Rosli bin Yaakub: Kita akan hantar.

Tuan Pengerusi: Ingatkan sahaja, ingatkan sahaja. Jawatankuasa ada hendak dapat penjelasan lebih, sebelum kita panggil mereka? Ini hari kita kena habis pukul 1.30 tengah hari kerana Dato' Sri Mustapa Mohamed hendak pakai bilik ini.

Beberapa Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Datuk Haji Anwari bin Suri: Kita memang ada unit pemeriksaan mengejut di Jabatan Audit Negara. Dari semasa ke semasa, kita betul-betul datang mengejutlah.

Tuan Pengerusi: Sebab itu kalau kita hendak kena *rely on* audit hendak buat lawatan mengejut, untuk hendak *highlight* benda ini, Jabatan Audit hendak berapa orang staf, 50,000 orang?... [Ketawa]

Datuk Haji Anwari bin Suri: Sebenarnya *approach* audit mengejut ini satu *traditional approach* lah. Kalau dahulu memang *famous* dengan...

Tuan Pengerusi: Berapa pegawai *you* ada pun hendak buat benda itu? Berapa pegawai *you* ada?

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]

Datuk Haji Anwari bin Suri: Okey Tuan Pengerusi, yang kedua ini mungkin pengurusan kuarterslah. Hendak kena...

PDRM menyediakan kuarters sebagai satu usaha untuk mempertingkatkan kebajikan, kemudahan tempat tinggal bagi warga PDRM. Ia juga membolehkan pegawai anggota PDRM sentiasa berada berdekatan dengan lokasi tempat bertugas, mengurangkan beban kewangan anggota yang berpendapatan rendah serta dapat memupuk semangat kerjasama di kalangan anggota.

So Kuarters PDRM diklasifikasikan sebagai Rumah Khas Jabatan di bawah Perintah Am, Bab E iaitu sesbuah rumah yang didirikan khas oleh Jabatan untuk kediaman seseorang pegawainya yang mustahak berada setiap masa dekat dengan tempat bekerja atau di sebuah tempat tertentu dalam daerah tempat ia bertugas.

Berdasarkan maklumat Jabatan Sumber Strategik dan Teknologi (StaRT), PDRM pada bulan Jun 2014 mempunyai seramai 63,963 unit kuarters dan anggota seramai 91,958 orang. Next.

Ini lokasi yang kita telah audit ya. So yang pertama, Kuarters Balai Polis Tabuan Jaya, Kuching; Kuarters Polis Kolam Air, Alor Setar; Perumahan Tabuan Jaya, IPK Sarawak; Taman Tunku Husna, IPD Kota Setar; Taman Kenanga, IPD Johor Bahru Utara...

Tuan Pengerusi: Itu dalam kawasan Pulai itu.

Datuk Haji Anwari bin Suri: ...Dan Kuarters Balai Polis Jalan Tun Razak. Ini sampel yang kita audit lah.

Tuan Pengerusi: Sengaja pilih dalam kawasan Pulai kah? [Ketawa]

Datuk Haji Anwari bin Suri: Imigresen pun kita ambil Johor Bahru jugalah. So isu-isu yang kita peroleh, mungkin Encik Chiew boleh sambung.

Encik Chiew Koh Chon: Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, *actually* secara keseluruhan, *the number of quarters* untuk PDRM 63,963. Akan tetapi untuk PDRM di mana di bawah Bukit Aman, di bawah IPK, di bawah IPD, di bawah balai, ia ada 46,589. So, kami punya audit, tumpuan kami adalah pada IPK, IPD dan balai. So, untuk bilangan dekat IB ini, kami buat lawatan dekat empat IPK iaitu di Johor, Sarawak, Kedah dan Kuala Lumpur termasuk Ibu Pejabat Bukit Aman. Kriteria kita untuk pemilihan ini adalah bergantung kepada bilangan kuarters yang tinggi *and then* ada kuarters yang rosak dan tidak diduduki *and then* ada yang kosong dan sebagainya.

Okey, untuk pengisian kuarters bagi IPK, IPD dan balai, kalau kita buat daripada keseluruhan 46,589, *actually* 92.9% telah diisi. Okey, 92.9% telah diisi. Manakala *the other 2,860 or 6.1%* unit tidak sesuai diduduki kerana ada yang sudah rosak. *Then*, ada sebahagian di mana *about 455* unit di mana ia kosong tetapi boleh diduduki, tetapi masih tidak di *occupied* oleh sesiapa.

■1150

Okay, next. Ini ia punya jadual.. [Merujuk kepada slaid pembentangan] Kita nampak keseluruhannya ialah 46,589 unit; diisi ialah sebanyak 43,274 unit; kosong sebanyak 455 unit tetapi kosong ini boleh diduduki; dan yang kosong rosak ialah sebanyak 2,860 unit.

Okay, next. So, apabila kita lawat empat IPK termasuk IPD dengan balai itu, empat buah tempat yang kita lawat itu, bilangan keseluruhan kuarters ialah sebanyak 9,519 unit. Then, ia punya occupancy rate is 88.7%, okay. Yang rosak is 864 unit or 9.1%.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pemberitaan]*

Encik Chiew Koh Chon: Oh, ada. Yang Berhormat, nanti saya akan pergi itu slaid, ia punya usia.

Okay, next. Ini ia punya pecahan... [Merujuk kepada slaid pembentangan]

*Next, I hendak pergi dia punya usia. Sebelum saya pergi usia ini, saya hendak highlight satu on the prestasi kewangan sebab kuarters ini bukan sahaja untuk polis ataupun imigresen. Untuk makluman Yang Berhormat, *actually* kami telah habis dua kajian lagi on kuarters iaitu Jabatan Penjara dan juga AADK. Ini dua laporan akan dibentangkan pada Siri 3, nanti. Sebab, kita buat across the KDN punya kuarters.*

Okey, isu prestasi kewangan ini kita hendak highlight di sini untuk agensi di bawah KDN, ia ada begitu banyak kuarters tetapi ia punya peruntukan khas- ia tidak ada satu peruntukan khas untuk penyelenggaraan kuarters. Ia semua pakai umum punya penyelenggaraan, objek 28000 sama adamacam polis, ia bercampur dengan penyelenggaraan untuk kenderaan dan sebagainya... [Disampuk] Ya, ia under general vote. So, ia tidak ada khas untuk yang ini. That's why kita nampak ia punya perbelanjaan begitu limited di sini.

Okay, next. Ini ia punya pecahan... [Merujuk kepada slaid pembentangan]

Next. Ha, usia. Tadi saya kata keseluruhan bilangan kuarters yang more than 20 years adalah about 41% daripada jumlah keseluruhan 46,589. That's why di sini I hendak link dengan ia punya usia dengan peruntukan untuk penyelenggaraan. Sebab, more than 20 years, we need maintenance. Even more than 10 years kita pun sudah perlu penyelenggaraan dan sebagainya. Kita tengok ia punya more than 20 years, there are 14,000. Kalau kita campur yang lebih 10 tahun punya, tengok, plus 13,000, so, there's about 27,000 lebih. So, ia punya usia. Okay, next.

Seterusnya kita akan pergi tengok ia punya prosedur-prosedur berkenaan dengan pengisian dan pengosongan kuarters. *Actually* untuk pengurusan kuarters di jabatan kerajaan, banyak kita pakai the general order, general order yang berkaitan dengan rumah dan sebagainya.

Akan tetapi untuk PDRM, selain daripada mereka pakai itu, mereka ada mengeluarkan ia punya pekeliling dalaman dan sebagainya untuk pengurusan kuarters. Ia macam arahan Ketua Polis Negara dan sebagainya. Bagaimanapun, apabila kita buat lawatan pergi IPD dan IPK, kita nampak dia ada peraturan, dia tidak guna sepenuhnya dia punya peraturan. Banyak yang dia tidak pakai dia punya prosedur, tidak *comply* dia punya prosedur.

Contoh, apabila *you* keluar dari kuarters itu, *you* perlu ada pemeriksaan oleh pegawai pergi *check* sama ada keadaannya macam mana, semua barang telah dikeluarkan dan sebagainya. Prosedur tidak dipatuhi sepenuhnya. Kita nampak ada kelemahan daripada segi prosedur tetapi *based on* maklum balas pihak agensi bawah KDN, mereka sedang ambil tindakan untuk membetulkan ia punya keadaan khususnya *on the procedure*.

Tuan Pengerusi: Dia tidak ada orang kah ataupun...

Sekorang Ahli: SOP ada?

Encik Chiew Koh Chon: Ada SOP. Ada yang ada orang, ada yang buat pemeriksaan tetapi dia tidak menjalankan dengan betul. Dia *sign* itu dokumen. Ada yang macam itu. Dekat imigresen dan sebagainya.

Tuan Pengerusi: Beruniform kah atau pentadbiran?

Encik Chiew Koh Chon: *Then, the other one is*, polis ini ia tidak ada satu bahagian atau unit yang khas untuk *monitor the kuarters*. *They don't have*. Dia tidak ada.

Tuan Pengerusi: *One of time I don't agree if you want to tambah bagi jumlah pegawai kerajaan.*

Encik Chiew Koh Chon: Bukan, kita kata...

Tuan Pengerusi: Bukan, pasal pegawai kerajaan punya pemikiran, dia kata tambah fungsi, tambah orang. Kita hendak tengok sekarang ini sama ada orang yang ada sekarang ini cukup untuk hendak diagihkan untuk buat kerja ini. Nanti JPA tambah orang sahaja. Dia hendak besarkan empayar dia... *[Ketawa]*

Encik Chiew Koh Chon: Okay, next. Next. Ini yang saya sebut tadi, okey... *[Merujuk kepada slaid pembentangan]*

*Okay next, yang ini. See, untuk anggota polis atau pegawai kerajaan di mana yang menduduki kuarters itu, actually kalau untuk- sebab, pegawai kerajaan semua kita dapat imbuhan tetap perumahan. So, kita nampak *based on the sample* yang kita *check* dekat empat IPK, IPD dan balai itu, kita nampak ada pegawai-pegawai mereka di mana mereka telah duduk itu.*

Eh, yang ini isu air dulu. Air, apabila *you* duduk kuarters sama ada kalau itu kuarters dia ada meter berasingan, *then* kita kena bayar according to the meter berasingan. *Then*, ada juga banyak di mana kita ada meter pukal. Meter pukal, ia juga ada di mana pejabat-pejabat ini ia akan tentukan *based on* bilangan penghuni, ia akan tetapkan *you* kena bayar berapa, berapa. *Then* kalau ada yang meter berasingan, dia akan bayar ikut itu. So kita nampak bahawa *based on the meter pukal di mana the bayaran bil utiliti yang dijelaskan oleh PDRM dengan yang dikutip daripada penghuni-penghuni itu, ia begitu ketara berbeza. It different about*, bagi tempoh ini *about RM1.8 million*.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Ia bocorlah itu [Ketawa]

Encik Chiew Koh Chon: Kita tidak pasti sebab ada yang ini nampak ia punya perbezaan ini. Ada yang ia ada meter pukal tetapi ia tidak ada meter berasingan. *That's why* kita kalau banyak agensi ini dia kata, *they are going to put make sure that* dia ada meter berasingan. Sepatutnya ia ada meter. Macam bil elektrik, ia ada meter berasingan. *So, should be no problem* tetapi...

Encik Rosli bin Yaakub: Guna sama lah ini?

Encik Chiew Koh Chon: Ada yang kuasa lama, banyak-banyak macam itu. *Then, the other one is...*

Beberapa Ahli: [Berbincang tanpa menggunakan pembesar suara]

Encik Rosli bin Yaakub: Cuma Tuan Pengerusi, yang contoh macam *apartment, apartment polis* kan, memang ada kawasan yang guna sama. Contohnya macam elektrik yang tempat laluan, laluan *walkaway* itu memang akan dibayar oleh *management* secara pukal.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Common area.

Encik Rosli bin Yaakub: Ya, common areakan. Jadi mungkin air pun masuk situ 'kot', yang you maksud ini?

Encik Chiew Koh Chon: *That's why I cakap, that's why I cakap...*

Encik Rosli bin Yaakub: Dia siram bunga semua itu.

Encik Chiew Koh Chon: Ya, *true*. Dia even ada yang termasuk ada pejabat, mungkin ada pejabat dekat sana yang termasuk. Akan tetapi ia punya perbezaan begitu ketara. Ada yang juga meter ada tetapi tiada bayaran dibuat, tiada bacaan. *Then the amount* yang ditetapkan itu dia beza banyak dengan yang sebenarnya dibayar melalui bil pukal.

Tuan Pengerusi: Inilah, *somebody has got to go and look at the system*. Selepas itu *start to quantify all the cost, all the revenues* apa semua ini. Ini sebab tidak ada orang tengok pun. Selepas itu hendak suruh polis. Polis hendak suruh jaga keselamatan rakyat pun susah. Hendak suruh jaga keselamatan bangunan lagilah.

Beberapa Ahli: [Berbincang tanpa menggunakan pembesar suara]

Encik Chiew Koh Chon: Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, *the last issue is* penyelenggaraan. Dia macam yang tadi saya sebut tadi itu *related* dengan isu prestasi kewangan. Sebab, *the amount* yang diperuntukkan untuk penyelenggaraan, ia tidak ada khusus punya peruntukan untuk penyelenggaraan kuarters. As and when apabila ada permohonan, ada rosak dekat kuarters dekat mana, dia mohon dengan ibu pejabat, *then* ibu pejabat tengok ada peruntukan atau tidak dekat IPK, *then* baru mereka luluskan untuk tujuan penyelenggaraan. Dia tidak ada satu peruntukan yang khusus untuk ini, okey.

Then, next tengok gambar yang *labeling...* [Merujuk kepada slaid pembentangan] Ini dekat Sarawak. Dekat Johor ada satu yang teruk, yang...

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Encik Chiew Koh Chon: Untuk contoh IPD Johor Bahru Utara ini, kuarters ini sejak tahun 1999 tidak diselenggarakan dengan baik, ia teruk. *Then, ia ada sebuah tempat di mana ia ada banyak unit rosak langsung dan tidak di occupy.*

Seorang Ahli: Ini MP tak jaga ini.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi di Johor Bahru dekat Pulai itu kurang peruntukan... [Ketawa]

■1200

Encik Chiew Koh Chon: So secara keseluruhan saya rumuskan untuk kuarters polis ini, isu pertama *is dia link dengan peruntukan penyenggaraan dengan dia punya aging of the kuarters because more than 20 years.* Dia mesti *link* ini. *The other second one is berkenaan dengan prosedur.* Prosedur SOP ada tetapi ada yang tidak *comply*, dia tidak *follow* dan sebagainya. Contohnya dia keluar ataupun dia sudah masuk itu penghuni, masuk itu rumah tetapi maklumat tidak sampai ke Unit Gaji untuk berhentikan pembayaran imbuhan tetap perumahan dan sebagainya.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Encik Chiew Koh Chon: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Encik Chiew Koh Chon: Okey. Just untuk makluman Yang Berhormat, *actually* kita difahamkan untuk tahun 2015, *actually* di bawah KDN, dia ada terima banyak peruntukan untuk penyelenggaraan kuarters di bawah program *My Beautiful Malaysia*. Akan tetapi saya difahamkan *My Beautiful Malaysia* ini, dia kata *My Beautiful Malaysia* tetapi yang banyak saya difahamkan ini dia untuk luaran. Dia hendak cat di luar. *My Beautiful Malaysia* ini dia hendak tunjuk kita luaran cantik. Akan tetapi banyak kali kita emphasize, *actually* banyak *is* dalam sebab banyak kuarters polis ada yang dua buah bilik. Dua buah bilik sudah tidak sesuai untuk sebuah keluarga. *That is why-* kita tengah check Jabatan Penjara dan Jabatan Penjara akan ambil tindakan di mana dia upgrade dua buah bilik, jadi tiga buah bilik. Dia ada ambil tindakan. Dia kena tengok banyak, *all these things*.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Bullet point nombor satu itu, basically peruntukan ada?

Encik Chiew Koh Chon: Peruntukan penyenggaraan...

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Ada?

Encik Chiew Koh Chon: Penyenggaraan *for the year* yang kita check dahulu, memang tidak ada satu khusus, tetapi *this year* ada RM5 juta. Ada dia kata di bawah KPKT, *My Beautiful Malaysia*. *Actually* tidak cukup.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Point saya bukan tidak disediakan, tetapi tidak diagihkan dengan sebeginit baik. *Something like that.*

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Encik Ahmad bin Ali [Timbalan Pengarah Seksyen Keselamatan dan Ketenteraman Awam, Unit Perancang Ekonomi]: Boleh saya tambah Yang Berhormat? Saya daripada EPU, Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, saya daripada EPU.

Untuk makluman Ahli-ahli Jawatankuasa ini, semua ini di bawah peruntukan DE kita pernah bagi kepada pihak PDRM. Contohnya untuk tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan dan Rancangan Malaysia Kesepuluh, untuk ubahsuai atau naik taraf kuarters lama daripada dua buah bilik kepada tiga buah bilik, kita pernah beri lebih kurang RM100 lebih untuk *a few* balai polis...

Tuan Pengerusi: Apa, 100 lebih apa? RM100 lebih, RM100 lebih ribu...

Encik Ahmad bin Ali: Juta, juta. Lebih kurang RM100 juta lebih untuk naik taraf balik daripada dua buah bilik kepada tiga buah bilik.

Tuan Pengerusi: You sudah beri dalam RMKe-9 dan RMKe-10 *RM100 million* kepada mereka?

Encik Ahmad bin Ali: RMKe-10 kita beri. *This year* kita beri lebih kurang *allocation RM100 million*.

Tuan Pengerusi: Ini bagus ini. So mana pergi duit itu?

Encik Chiew Koh Chon: Untuk makluman Tuan Pengerusi, *actually* yang tadi yang dikatakan itu, dia ada buat untuk *upgrade* dua buah bilik, tetapi di Bukit Aman. Ada. Dia ada buat.

Encik Ahmad bin Ali: Yang manakah? Yang *My Beautiful Malaysia* itu bawah KPKT.

Encik Chiew Koh Chon: Dia KPKT.

Encik Ahmad bin Ali: Ini *direct* bawah KDN, Tuan Pengerusi. *This year* kita beri *RM100 million*.

Tuan Pengerusi: *This year* beri lagi *RM100 million*?

Encik Ahmad bin Ali: Yes, untuk KDN dan MINDEF sekali... *[Disampuk]* Kena betul-betul. *That is why* dalam konteks ini, dalam pembangunan perancangan ekonomi, sepatutnya kementerian perlu ada elemen perancangan yang betul, tepat.

Tuan Pengerusi: Bukannya you cakap dekat mereka kah?

Encik Ahmad bin Ali: Ya?

Tuan Pengerusi: Bukannya you cakap dekat mereka kah?

Encik Ahmad bin Ali: Kita setiap kali kita buat bajet macam ini, memang kita maklum sekali, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Macam itu, you agih bajet sahaja. / boleh buat kerja itu.

Encik Ahmad bin Ali: Kita sudah beri dia arahan...

Tuan Pengerusi: Tak. Bila you beri mereka, sepatutnya you sudah kenal pasti sepatutnya duit ini untuk sini, sini, sini. Bukannya beri pukal begitu, engkau buatlah apa yang engkau hendak buat dengan duit itu.

Encik Ahmad bin Ali: Tidak ada.

Encik Rosli bin Yaakub: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Encik Ahmad bin Ali: Dia ada spesifik lokasi yang...

Tuan Pengerusi: Memang you beri ikut lokasi.

Encik Ahmad bin Ali: Lokasi.

Encik Rosli bin Yaakub: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Encik Ahmad bin Ali: Tak, maknanya skop projek ditentukan oleh *end user* sekali dengan JKR yang menentukan...

Tuan Pengerusi: / tahu. Akan tetapi macam kita *approve* bajet dalam Parlimen, dia ada dia punya kunci bajet dia, butiran dia apa semua bukan. Dia tidak boleh ubah, bukan? Dia kena belanja pada projek itu, bukan?

Encik Ahmad bin Ali: Yes, memang spesifik...

Tuan Pengerusi: So sekarang ini macam mana tidak sampai pula?

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Encik Ahmad bin Ali: *Final* oleh KDN sendiri dengan *end user* sekali. Yang dikenal pasti oleh pihak PDRM dan KDN yang mengesahkan dahulu.

Tuan Pengerusi: Itulah. Tadi soalan saya, saya kata EPU boleh beri duit itu, EPU sudah kata ini untuk negeri ini, untuk negeri ini tetapi bila sampai di agensi pelaksana, dia tidak hiraualah. Dia boleh ubah tajuk bajet dia?

Encik Mohd. Rizal bin Nawabjam [Penolong Pengarah Seksyen Keselamatan dan Ketenteraman Awam, Unit Perancang Ekonomi]: Tuan Pengerusi, ada dua atau tiga permohonan, kadang-kadang untuk pemberian ubahsuai ini, contoh macam penjara tadi atau AADK ataupun polis, dia akan memaklumkan kepada kita permohonan melalui tempat. Contohnya macam yang bawah RM125 juta, dia kata hendak naik taraf dua buah bilik ke tiga bah bilik di Bukit Aman, di Cheras. So, itu yang kita akan lakukan secara spesifik. Itu yang kita akan beri tempat dan mereka tidak boleh ubah skop. Sekiranya berlaku perubahan skop, dia kena kemukakan kepada EPU. Kita akan meneliti dan bila kita bersetuju, baru dia boleh laksanakan.

Keadaan kedua Tuan Pengerusi, yang untuk RM100 juta pada tahun ini, kita berikan secara *ad hoc*. Maknanya pada penghujung selepas kelulusan Rancangan Malaysia bawah pelaksanaan projek RP4 2015, kita telah timbul banyak isu berkenaan kuarters-kuarters yang rosak. Oleh yang demikian, kita telah wujudkan dua jenis butiran. Satu bawah *My Beautiful Malaysia* sebanyak RM40 juta bawah KPKT dan ada tiga kementerian tidak silap sayalah, MINDEF dan KDN yang diberi peruntukan secara pukal RM100 juta dan yang RM100 juta itu kita mohonlah untuk kementerian untuk kenal pasti sendiri. Untuk yang RM100 juta ini sahaja kita minta dikenal pasti. Kita beri kelulusan khaslah untuk kementerian kenal pasti dan laksanakan pemberian itu tersendiri.

Bagi projek-projek lain Tuan Pengerusi, kita yang akan menentukan, dan mereka kena ikutlah skop yang dipohon kepada kita.

Tuan Pengerusi: Tidak boleh lari daripada skoplah kalau ditentukan. Okeylah.

Encik Ahmad bin Ali: Perubahan daripada segi skop kena maklum kepada EPU dan mendapat kelulusan daripada EPU sendiri, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Okey.

Encik Ahmad bin Ali: *Whatever cost. Even kenaikan kos pun kena dapatkan kelulusan EPU dahulu.*

Tuan Pengerusi: Ada dia punya *check* dia lah. Maknanya bila hendak laksana kena *clear* dengan EPU dahulu, baru laksana. Okey.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya hendak sahkan sahaja ini. Tadi dia kata diperuntukkan RM100 juta untuk penyelenggaraan kuarters di seluruh negara, di setiap negeri.

Encik Mohd. Rizal bin Nawabjam: Memang kita peruntukan RM100 juta untuk satu Malaysia bawah agensi-agensi KDN.

Tuan Pengerusi: Jadi kesimpulannya, memang isu- sebenarnya bukan penyelenggaraan pun. Kuarters itu kalau sudah lebih 20 tahun, dia sudah usang pun. Hendak kena buat *renovation* dan sebagainya, memang peruntukan yang besar diperlukan tetapi itu soal lainlah. Apa yang penting pada hari ini kita fokus kepada penyelenggaraan yang ada.

Datuk Haji Anwari bin Suri: Tuan Pengerusi, untuk JIM pun sama. Untuk JIM, Jabatan Imigresen Malaysia, isu pun sama. So saya hendak tunjuk gambar sudah cukuplah.

Tuan Pengerusi: Okey.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]

Datuk Haji Anwari bin Suri: Kota Baharu, Kelantan, anai-anai. Next. Ini di Taman Kenanga Johor, tiles. Bukit Kayu Hitam, anai-anai juga. Next. Johor Bahru juga, terbiar. Next. Kelantan sekali lagi tidak terurus, terbiar. Next. Habis. Ada lagi? Habis. Itu sahajalah untuk JIM.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi...

Encik Chiew Koh Chon: Tuan Pengerusi, / cuma hendak tambah satu isu dengan JIM...

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi...

Encik Chiew Koh Chon: Sorry.

Dr. Tan Seng Giaw: Di dalam itu nampak kucar-kacir tetapi di luar itu indah, cantik. Di luar itu cantik belaka.

■1210

Encik Chiew Koh Chon: Dia ada dua. Ada yang luar nampak okey, dalam tak okey. Akan tetapi ada juga yang luar itu tak okey. Dia macam tak ada *maintenance*, tak ada cat, tak ada penyelenggaraan.

Seorang Ahli: Luar dalam.

Encik Chiew Koh Chon: Ada, ada. So, untuk makluman Tuan Pengerusi, saya nak tambah untuk JIM ini, satu kelemahan tadi yang kita cakap contohnya, dia ada meter air berasingan. So bila you ada meter berasingan, you kena perlu pegawai pergi baca meter. So ini JIM ini dia satu *special*. Dia pegawai pergi baca meter – meter air kita tengok, kita ada lapan angka. Kadang-kadang lapan angka atau tujuh angka. Dia belakang itu angka *on the left hand side* dia susah nak gerak. Yang meter air ini banyak gerak *on the right hand side*. Yang awal ialah yang *right hand side*. Yang pusing itu. Akan tetapi, yang pembaca meter imigresen ini dia selalu baca meter dibaca yang sebelah kiri punya angka.

So, angka ini tak gerak. So, tiap-tiap bulan tak ada bil, tak ada bil. Berlaku ini... *[Disampuk]*
Pegawai imigresen...

Tuan Pengerusi: Tak, sebab itu dekat Malaysia ada lima juta orang pendatang asing. Ada yang dengan izin, ada yang tak ada izin. Saya tak hairan lah kalau baca meter pun tak nampak... *[Ketawa]*

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Tuan Pengerusi, belum lagi yang pakai teropong.
[Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw: Minta Tuan Pengerusi ya, ini saya nak bangkitkan kepada polis di Kuala Lumpur lah. Ada yang gambar yang teruk di Kuala Lumpur itu? Kerana tak boleh kita nak tunjukkan setakat Kulai dan sebagainya sahaja lah itu.

Tuan Pengerusi: Pulai lah.

Dr. Tan Seng Giaw: Pulai, Pulai itu.

Tuan Pengerusi: Kulai itu Ahli Parlimennya DAP.

Dr. Tan Seng Giaw: Tak apalah, tak apa. Itu Pulai, setakat Pulai, tak boleh lah itu. Nak Kuala Lumpur pula. Ada ya, di mana?

Datuk Haji Anwari bin Suri: Desa Baiduri, IPK Kuala Lumpur. IPK Kuala Lumpur.

Dr. Tan Seng Giaw: Desa Baiduri ya.

Datuk Haji Anwari bin Suri: Ya, saya.

Dr. Tan Seng Giaw: Desa Baiduri...

Datuk Haji Anwari bin Suri: Kepong kita tak pergilah, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Belum, tak ada ya. Itu kadangkala saya ada pergi balai polis juga. Di belakang itu kadangkala dah tak elok. Memang tak elok.

Datuk Haji Anwari bin Suri: Satu lagi perumahan Desa Tasik, IPK Kuala Lumpur.

Dr. Tan Seng Giaw: Desa Tasik, Desa Tasik.

Datuk Haji Anwari bin Suri: Ini sebelum dan selepas, sekarang dah *repair*.

Dr. Tan Seng Giaw: Kalau di Pulai itu biasa dah lah itu tetapi Kuala Lumpur...

Tuan Pengerusi: Okey, begini. Sebelum pembangkang kuasai kawasan sana, baik. Lepas pembangkang kuasai, ini pun berderet... *[Ketawa]*

Beginilah, saya rasa kita boleh panggil mereka masuklah. Jadi fokus kita pada hari ini adalah pada isu penyelewengan tadi lah. Itu saya rasa kita boleh fokuslah. *Maintenance* kita kena- ya lah, tetapi *maintenance we also have to look at the actually the total management of the* ini, bukan individual unit sahaja.

[Saksi-saksi mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]

Tuan Pengerusi: Okey, selamat datang saya ucapkan kepada Dato' Alwi Haji Ibrahim, Ketua Setiausaha KDN yang dulu pernah datang ke PAC sebagai Timbalan KSU, tetapi hari ini Dato' datang sebagai KSU, Pegawai Pengawal.

Yang Berbahagia Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah, Pengarah Jabatan Sumber Strategik dan Teknologi (StaRT) PDRM, juga dah biasa datang ke PAC, seterusnya para pegawai daripada polis.

Saya minta maaf, pada hari ini kita nak teruskan kita punya prosiding tetapi saya dimaklumkan bahawa Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Industri dan Antarabangsa dia nak pakai bilik ini pada jam 2 petang. Jadi kita terpaksa habiskan prosiding mungkin dalam 1.15 lah. Jadi kalau masa yang kita nak gunakan dah sempit, mungkin kita tak dapat nak go through all three issues yang dibangkitkan pada hari ini. Jadi kita cuba habiskan dululah.

Saya rasa kita buat dari prioritinya, pada hari ini kita nak mendapatkan penjelasan daripada Polis Diraja Malaysia dahululah mengenai isu pengurusan perolehan perabot bagi cadangan pembangunan Kem Batalion 5, Pasukan Gerakan Am Simpang Renggam, Johor. Lepas itu kalau ada masa kita pergi kepada pengurusan kuarters Polis Diraja Malaysia dan kalau ada masa kita pergi pada Jabatan Imigresen. Akan tetapi saya rasa mungkin Jabatan Imigresen ini tak sempat ya.

Jadi saya berharap pada hari ini pihak kementerian boleh memberikan penjelasan mengenai isu pengurusan perolehan yang dibuat di Simpang Renggam ini kerana ia telah menimbulkan banyak persoalanlah bagi PAC bahawa bagaimakah kelemahan-kelemahan perancangan dan juga perolehan itu sendiri dibuat dengan cara yang meragukan.

■1220

Saya difahamkan bahawa pihak SPRM sudah masuk dalam kes ini. Jadi kalau pihak SPRM sudah masuk kes ini maknanya dia sudah ada tumpuanlah kepada rasuah ya, bukan lagi kepada prosedur dan sebagainya. Sudah pergi kepada rasuah dan sebagainya.

Jadi isu seperti ini juga saya rasa ia lebih kepada isu perancangan dan juga isu *monitoring* lah. Sistem yang diguna pakai itu sendiri bagaimakah ia boleh dicircumvent lah, sampai perkara seperti pemalsuan invoice dan sebagainya boleh dibuatlah bagi tujuan hendak melepaskan pembayaran awal. Maknanya ini juga merupakan isu *improper payment* lah yang tak sepatutnya berlaku. Tadi kami tanya Jabatan Audit, kami tanya Jabatan Aktauntan Negara, kami tanya Kementerian Kewangan dan kami mendapati bahawa perkara ini tidak akan timbul kalau tidak kerana Audit masuk buat kerja mereka.

Jadi kalau Dato' Alwi sudah lama, kalau sistem ini kita berharapkan kepada Audit untuk hendak mencari kelemahannya, *that means the system is not good* lah. *There need to be improvements to the system to make sure that we don't have to wait for the Audit to find out any problems or any issues about the system.* Itu pun Audit buat bukan keseluruhan, Audit buat sampel sahaja. Jadi, tak tahu bagaimana lagi perkara ini, sama ada ia berleluasa di tempat lain atau tidak lah. Ini kerana kalau sistem itu selalunya sudah lemah dan sistem itu dipakai di keseluruhan jabatan, maknanya kemungkinan berlaku perkara yang sama di tempat-tempat lain pun juga tinggilah.

Selain itu, tadi Audit telah mengenal pasti isu mengenai perolehan yang dibuat secara *central* ini yang tidak melibatkan input daripada *user*. Oleh sebab itu perabot yang dihantar tidak mengikut spesifikasi, tidak berkualiti seperti yang sepatutnya. Ini kerana input daripada pengguna itu tidak diterima daripada awal. Ini *finding* daripada audit ya. Jadi itu bagi isu perolehan tadi.

Isu pengurusan kuarters polis ini, saya rasa tempat saya pun banyak kuarters polis, di Johor Bahru. Memang salah sebuah lokasi Audit yang dipilih ini adalah di Taman Kenanga di Johor Bahru di dalam kawasan Parlimen Pulai sendiri. Saya sendiri tahu, saya selalu melawat di sana... [Disampuk] Polis kena jaga pasal dia kena jaga kita. [Ketawa]

Jadi isunya mengenai pengurusan kuarters itu sendiri. Adakah polis ada satu unit khas untuk hendak mengendali kuarters ini? Sama ada pengurusan itu dibuat oleh pegawai yang cekap. Sama ada kuarters itu sudah usang sangat sampai sebenarnya ia memerlukan bukan sahaja penyelenggaraan, ia memerlukan pemulihan, ya. Jadi ini isu pun timbul pada isu peruntukan yang diperoleh. Kami dimaklumkan oleh EPU tadi, EPU kata daripada Rancangan Malaysia Kesembilan dan Rancangan Malaysia Kesepuluh, mereka ada beri peruntukan RM100 juta setiap tahun, tetapi peruntukan tersebut mereka kata hanya digunakan untuk ibu pejabat sahaja, hendak buat kuarters ibu pejabat. Itu kami tak pasti. Kalau boleh Dato' Alwi beri peneranganlah.

Jadi, ke manakah duit yang diagihkan oleh EPU ini ke arah untuk hendak menguruskan penyelenggaraan kuarters ini? Ke manakah ia pergi dan apakah perancangan yang akan dibuat oleh pihak kementerian ya untuk memperbaiki pengurusan kuarters-kuarters yang disebutkan ini? Saya faham isunya kebanyakannya adalah berkisar kepada peruntukan, tetapi kita pun hendak tahu, kalau peruntukan itu diberi kepada kementerian dan disalurkan kepada polis, sama ada peruntukan tersebut akan diuruskan dengan baik atau tidak, ya. Apakah perancangan yang dibuat oleh kementerian?

Jadi, tanpa melengahkan masa lagi, saya minta Dato' kalau boleh beri taklimat Dato' dan selepas itu kita akan mulakan sesi soal jawab ya. Terima kasih.

Dato' Alwi bin Haji Ibrahim [Ketua Setiausaha, Kementerian Dalam Negeri]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Selamat tengah hari. Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw, Timbalan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat Ahli-ahli PAC, pegawai-pegawai kanan daripada agensi pusat dan juga Timbalan Ketua Audit Negara, pegawai kanan yang hadir pada tengah hari ini.

Terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Dalam Negeri ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kita untuk menjelaskan perkara-perkara yang disebutkan tadi, khususnya berkaitan dengan perolehan perabot di PGA Simpang Renggam dan juga isu pengurusan kuarters di PDRM dan juga Imigresen. Saya juga berterima kasih pada Jabatan Audit Negara kerana *highlight* perkara-perkara yang ada *weaknesses on our part*, khususnya di perolehan perabot ini. Saya telah pun mengadakan beberapa usaha sejak Januari ini apabila saya mengambil alih sebagai Ketua Setiausaha KDN dan juga pegawai pengawal untuk melihat perkara-perkara yang telah *dihighlight by the Jabatan Audit*.

Berkait dengan pengurusan perolehan perabot di PGA Simpang Renggam, seperti mana yang disebutkan Tuan Pengerusi tadi, memang kita mengakui ada beberapa kelemahan yang telah berlaku untuk urusan pembelian perabot ini.

Akan tetapi sebelum itu, saya ingin menyebutkan bahawa PGA Simpang Renggam ini adalah projek yang dilaksanakan oleh Pembinaan BLT Sdn. Bhd. dengan kos tiga buah pakej keseluruhan RM320.4 juta. *Detailnya nanti, Dato' Pahlawan Zulkifli akan explain to the meeting.*

Bagi perolehan perabot ini, nilai waran yang kita salurkan ialah RM800,000 dan telah disalurkan pada 14 Jun 2013 kepada PDRM untuk tujuan perolehan perabot. Pihak Audit telah pun membuat teguran ke atas perolehan ini, menemui beberapa perkara yang dikatakan tidak mengikuti peraturanlah termasuk umpamanya bangunan belum siap sepenuhnya dan pembayaran penuh telah dilakukan sebanyak RM760,150 pada 24 dan 27 Disember 2013. Jadi pembekalan ini tidak lagi diterima pada masa itu dan ini kita anggap memang kita akui berlaku apa yang disebut, *improper payment*. Juga disebutkan oleh pihak Audit bahawa pembayaran disertakan dengan dokumen palsu. Kita akan *explain* sebentar lagi.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya pihak SPRM telah pun membuat siasatan dan mendapati kesemua pembekalan perabot kepada kem PGA Simpang Renggam ini telah pun dilaksanakan, dan *finding* SPRM ialah tiada ketirisan wang kerajaan bagi kes ini dan telah memutuskan untuk menghentikan siasatan, Yang Berhormat. Pihak kementerian juga telah menjalankan siasatan dalaman berikutan daripada itu bagi mengenal pasti pegawai yang bertanggungjawab serta punca kesalahan tatacara kewangan dan perolehan yang berlaku. *Alhamdulillah*, bahawa siasatan dalaman ini telah pun diselesaikan dan hasil siasatan ini, kita dapat bahawa terdapat perlanggaran kepada peraturan kewangan. Jawatankuasa Siasatan ini telah pun mencadangkan supaya mereka yang terlibat ini dikenakan tindakan tatatertib. Ini kita akan panjangkan keputusan Jawatankuasa siasatan ini kepada pihak PDRM untuk tindakan selanjutnya.

■1230

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pembekalan perabot ini juga telah diterima sepenuhnya antara 30 Disember 2013 hingga 16 April 2014. Bagi keperluan perabot yang melibatkan Pakej 1, Zon B iaitu bangunan yang masih belum siap yang pada masa ini Tuan Pengerusi, prestasi ataupun *progress of the project* ialah 78%, perabot-perabot ini telah pun kita daftarkan, dilabel sebagai aset kerajaan dan dijaga serta dikunci di tempat yang selamat!ah. Ini ialah tindakan-tindakan *immediate* yang telah dilakukan oleh PDRM apabila...

Tuan Pengerusi: Dato', projek yang Simpang Renggam ini belum siap lagi?

Dato' Alwi bin Haji Ibrahim: Ada pakej tertentu yang belum siap.

Tuan Pengerusi: Lambat jugalah?

Dato' Alwi bin Haji Ibrahim: Ia ada *delay* sikit.

Tuan Pengerusi: *Delay* banyak atau sikit?

Dato' Alwi bin Haji Ibrahim: At the moment 78%. Sepatutnya sudah siaplah tetapi kita...

Tuan Pengerusi: In terms of time?

Dato' Alwi bin Haji Ibrahim: Ia *delay* dalam- baru ini kita kata dia janji untuk Disember akan disiapkan.

Tuan Pengerusi: Original estimation time?

Dato' Alwi bin Haji Ibrahim: *Original time September.*

Tuan Pengerusi: September? Oh, lambat tiga bulan sahajalah.

Dato' Alwi bin Haji Ibrahim: Lambat *a few months.*

Tuan Pengerusi: Okey.

Dato' Alwi bin Haji Ibrahim: So, yang ini itulah. Jadi, nanti Dato' Pahlawan Zulkifli akan *explain* kenapa pihak PGA ini menguruskan pembelian ini walaupun bangunan tadi ada yang belum siap.

Untuk makluman juga, sebagai tindakan pencegahan, saya suka menegaskan di sini bahawa kementerian telah meneliti beberapa kelemahan yang berlaku dan juga mencadangkan beberapa tindakan untuk diambil termasuk umpamanya kita mencadangkan peruntukan bagi perolehan perabot disertakan bersekali dengan kos projek bagi memudahkan perancangan perolehan perabot serta memastikan bangunan yang dibina dapat segera beroperasi dan diduduki sebaik sahaja siap dibina. Ini kerana sekarang ini ada juga projek-projek yang tidak disekalikan peruntukan untuk kelengkapan seperti perabot ini.

Keduanya, bagi projek fizikal yang dibuat berasingan dengan perolehan perabot juga kita cadangkan supaya dirancang perolehan perabot ini dalam tempoh yang lebih awal, umpamanya *six months before the project complete*. Ini juga kita rasakan dapat memastikan perancangan yang lebih rapi bagi projek fizikal yang dibuat berasingan dengan perolehan perabot ini.

Jadi ini antara dua perkara yang kementerian lihatlah untuk mengatasi masalah yang sama berlaku Yang Berhormat, terhadap pembelian-pembelian perabot ini. Jadi *the rest* akan ditaklimatkan oleh Yang Berbahagia Dato' Pahlawan Zulkifli.

Akan tetapi sebelum itu, saya juga ingin menyentuh tentang pengurusan kuarters PDRM ini juga. Pengurusan kuarters, untuk makluman mesyuarat, PDRM ini ada 63,963 unit kuarters di seluruh negara di mana 46,589 unit kuarters adalah di Kontinen PDRM dan selebihnya di PGA, pusat latihan marin dan juga FRU. Jadi, kita memang akur bahawa pengurusan kuarters sebelum ini tidak begitu kemas seperti mana dihighlight oleh pihak Audit. Ada beberapa kelemahan termasuk daripada segi *maintenance*, daripada segi pembayaran bil-bil yang berkaitan dengannya. Jadi yang ini juga kita ambil perhatian. Saya berharap juga bahawa peruntukan-peruntukan untuk mengurus *maintenance* ini dapat diberi perhatian oleh agensi pusatlah.

Untuk makluman mesyuarat, saya juga memaklumkan bahawa pada tahun ini KDN ada dapat bajet daripada EPU sejumlah *RM100 million* yang kita agihkan kepada semua jabatan dan agensi di bawah KDN dan juga Program *My Beautiful Malaysia*, ini *budget under Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan* sebanyak RM44.6 juta ini. Akan tetapi, sebagaimana yang disebutkan tadi dengan bilangan kuarters yang begitu banyak di PDRM dan juga imigresen, maka peruntukan itu memang tidak mencukupi tetapi kita sedang berusahalah untuk- memang kita telah agihkan peruntukan ini. Umpamanya PDRM ini, daripada *RM100 million* ini kita *allocate* untuk PDRM sebanyak RM54.9 juta daripada *RM100 million* untuk urusan kuarters ini.

Kemudian dalam *under My Beautiful Malaysia*, ini NBOS punya program atau projek ini, daripada RM44 juta ini, kita salurkan RM9.5 juta kepada PDRM. Jadi kita di KDN memang memandang seriuslah masalah kekurangan dan juga pelbagai masalah yang berlaku di kuarters-kuarters PDRM. *Therefore*, kita letakkan percentage lah daripada segi peratusan bajet yang ada tadi memang lebih 50% kepada pihak PDRM ini.

Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Hendak tanya, Dato'. Boleh saya tanya, Tuan Pengerusi? Untuk *My Beautiful Malaysia* daripada RM100 juta, lebih kurang dalam RM50 juta diperuntukkan untuk kuarters-kuarters itu. Boleh beritahu tidak apa yang dibuat? Adakah mencantikkan luar bangunan, cat dan sebagainya ataupun penyelenggaraan ataupun bangunan-bangunan rosak dan sebagainya? Terima kasih.

Dato' Alwi bin Haji Ibrahim: Daripada RM100 juta tadi, itu adalah *under one-off EPU*, bukan yang Program *My Beautiful Malaysia*. Program *My Beautiful Malaysia* tadi, KDN dapat *RM44 million* sahaja. Yang *RM100 million* daripada EPU itu, kita salurkan kepada PDRM sebanyak RM54.9 juta.

Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin: Maksudnya...

Dato' Alwi bin Haji Ibrahim: Untuk penyelenggaraan. Ini termasuk pelbagai hal, mengecat dan sebagainya... *[Disampuk]* Kerosakan kecilah. Jadi ini dilaksanakan oleh pihak JKR. Kita telah pun menyalurkan waran ini dan difahamkan JKR telah pun membuat sebut harga untuk kerja-kerja kecil ini dan sebahagiannya telah pun dilaksanakan.

Tuan Pengerusi: Saya rasa soalan Yang Berhormat Masjid Tanah tadi adalah lebih kepada penggunaan duit itu. Sama ada hendak menceriakan luaran bangunan ataupun lebih kepada hendak membetulkan dalaman bangunan.

Dato' Alwi bin Haji Ibrahim: Okey, saya ingat sama sahaja yang *maintenance* pun, yang *My Beautiful Malaysia* pun sama. *My Beautiful Malaysia* ini program NBOS punya. Jadi yang ini samalah untuk luaran dan juga yang dalam juga. Termasuk mengecat sebelah luarlah sebab kalau Yang Berhormat tengok kuarters-kuarters kita setengah itu memang saya boleh kata daiflah di sesetengah tempat itu.

Tuan Pengerusi: Saya tahu. Yang di Taman Kenanga dekat Johor Bahru itu saya sendiri tengok dalam itu pun sudah hancurlah.

Dato' Alwi bin Haji Ibrahim: Terima kasih atas keprihatinan...

Tuan Pengerusi: Luar masih cantik tetapi dalam sudah hancurlah, dan banyak kuarters itu tidak dipakailah.

Dato' Alwi bin Haji Ibrahim: Betullah.

Tuan Pengerusi: Anggota polis sendiri pun tak nak duduk situ.

Dato' Alwi bin Haji Ibrahim: Okey.

Tuan Pengerusi: Jadi saya pun hairan jugalah kan, kenapa kuarters itu ada tetapi orang tidak mahu duduk. Selepas itu apabila saya masuk, saya tengok, oh, *no wonder* lah... *[Ketawa]*

Dato' Alwi bin Haji Ibrahim: Jadi Yang Berhormat, macam tadi saya sebutkan, bajet tadi kalau ikut tadilah, kita ada lebih kurang RM144 juta sahaja untuk *maintenance* ini. Akan tetapi kalau *based on* PDRM punya anggaran keperluan untuk kuarters yang ada, mereka memerlukan lebih kurang RM250 juta setahun untuk *maintenance*. Jadi *just imagine RM250 minus RM150*, so, memang tidak cukuplah tetapi kita terpaksa prioriti. Kita faham keadaan masalah yang dihadapi oleh pihak kerajaan. Jadi kita terpaksa prioriti. Kita juga melihat keutamaan-keutamaanlah. Jadi *feedback* daripada Yang Berhormat, daripada warga PDRM memang...

Tuan Pengerusi: Saya tengok kuarters-kuarters di Taman Kenanga dekat Johor Bahru itu pun sudah 20 tahun lebih. Maknanya sudah- satu, daripada segi kesesuaian untuk *family* pun tidak sesuai pasal dua buah bilik sahaja dan sebagainya. Ia kecil.

Dato' Alwi bin Haji Ibrahim: Betul, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Selepas itu ia punya bangunan itu pun sudah usang. Ia punya bumbung pun sudah tidak sempurna dan sebagainya. Banyak *leaking* dan sebagainya. *Piping system*nya pun sudah berkarat dan sebagainya.

Jadi soalnya, apakah tindakan kementerian mengenai bangunan-bangunan usang ini? Pasal apa, *you don't just need money to maintain it, you need money to repair it or maybe redevelop those quarters*. Pasal apa, memang sudah tidak ada tanah lagi di kawasan bandar di Johor Bahru yang ada yang sesuai untuk dibina kuarters ini.

Dato' Alwi bin Haji Ibrahim: Di mana yang masih boleh direpair, kita akan *repair*. Akan tetapi kalau umpamanya keadaan itu memang tidak *safe* untuk didiami ini, maka kita terpaksa mencari pilihan lainlah. Saya ingat kita ada memohon di bawah RMKe-11 bajet-bajet tertentu untuk kita membina kediaman baru, Yang Berhormat, untuk kita mengatasi masalah-masalah tadilah. Kalau yang sudah terlalu uzur, ataupun katakan *beyond repair*lah, maka kita tidak ada pilihan lain terpaksa...

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Dato', daripada 63,963 unit kuarters ini, bilangan yang *condemned* itu berapa?

Dato' Alwi bin Haji Ibrahim: Tuan Pengerusi, kalau boleh saya minta Dato' Pahlawan *explain*. Dia ada slaid-slaid. Mungkin *from that slide we can get the more clearer picture on the details part of the numbers and etc*. Saya jemput kalau diizinkan, Tuan Pengerusi.

■1240

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah [Pengarah Jabatan Sumber Strategik dan Teknologi, Polis Diraja Malaysia]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, Pengerasi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara atau ringkasnya PAC, Yang Berbahagia Dato' Alwi bin Haji Ibrahim, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Timbalan Ketua Audit Negara, Dato', Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian.

Pertamanya Tuan Pengerusi, saya ingin menyampaikan salam takzim daripada Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar yang tidak dapat hadir bersama-sama pada pagi ini kerana urusan mesyuarat di luar negara berkaitan penyiasatan kes MH17 di Amsterdam yang memerlukan kehadirannya secara persendirian.

Tuan Pengerusi, PDRM juga amat berterima kasih pada Jabatan Audit Negara dan kepada PAC sendiri yang bersimpati dengan masalah dan kekurangan yang ada dengan PDRM di mana dalam sidang pembentangan kepada PAC yang lepas, Tuan Pengerusi sendiri telah mengesyorkan supaya satu sistem pengurusan aset yang menyeluruh dibangunkan untuk PDRM. *Alhamdulillah*, syor PAC tersebut saya difahamkan telah diterima oleh agensi pusat dan PDRM bakal mempunyai sistem pengurusan aset dan inventori yang moden dan diyakini mampu membantu PDRM menguruskan aset-aset dengan lebih berkesan dan teratur serta membawa impak positif kepada pasukan dan semua stakeholders. Terima kasih sekali lagi daripada PDRM kepada Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli PAC.

Pada pagi ini ada dua isu yang dibawa ke hadapan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara melibatkan PDRM yang telah dilaporkan oleh Jabatan Audit Negara sebagaimana yang dijelaskan oleh Yang Berbahagian Dato' KSU sebentar tadi. Pertamanya berkaitan isu pengurusan perolehan perabot di Kem Batalion 5, Pasukan Gerakan Am Simpang Renggam dan yang keduanya isu pengurusan kuarters PDRM. Izinkan saya meneruskan pembentangan ini.

Bagi mengupas isu pertama ini, saya bercadang untuk memulakannya sedikit dengan latar belakang. Saya percaya Dato' KSU tadi telah pun menceritakan sedikit, disusuli dengan penemuan audit dan seterusnya penjelasan dan tindakan penambahbaikan dan pencegahan, termasuklah tindakan punitif yang diambil. Ini bagi menambah apa yang disebut tadi.

Projek pembangunan semula Kem Batalion 5 PGA ini diluluskan menerusi tiga buah pakej bernilai keseluruhannya RM320 juta bermula sejak tahun 2008 lagi. Pakej 2 dan Pakej 3 sebagaimana yang terpapar di hadapan telah siap sepenuhnya, manakala Pakej 1 yang terdapat dua buah zon di mana Zon B baru 60% ataupun 70% yang terkini telah siap, manakala Zon A telah siap sepenuhnya. Projek ini dijangka siap pada Disember. Walaupun tadi pada awalnya dianggarkan September, tetapi dijangka sekarang ini pada Disember 2015. Dalam pembangunan, kos projek tidak termasuk perabot. Peruntukan untuk perolehan perabot berjumlah RM800,000 telah disalurkan secara berasingan pada Pusat Tanggungjawab Briged Tengah yang mengendalikan Pasukan Gerakan Am Batalion 5 ini.

Terdapat enam penemuan Audit iaitu bayaran dibuat sebelum perabot dibekalkan ataupun *improper payment*, sebut harga tidak dipelawa daripada kontraktor tempatan, dokumen yang dikatakan dokumen palsu, perolehan perabot tidak melalui kontrak pusat sistem panel, spesifikasi khusus tidak ditentukan semasa tawaran sebut harga dan pengurusan pendaftaran dan pelabelan perlu dilaksanakan, disusun dan teratur di tempat yang selamat dan berkunci. Daripada enam penemuan ini, pihak PDRM telah pun mengambil tindakan susulan sepenuhnya sebagaimana disebut oleh Dato' KSU sebentar tadi.

Tidak berlaku sebarang ketirisan tetapi kita akui Tuan Pengerusi, memang berlaku kelemahan dan berlaku *improper payment* di mana pembayaran dibuat sepenuhnya sebelum pembekalan dapat dilaksanakan.

Dalam isu bayaran dibuat sepenuhnya, Pusat Tanggungjawab di Brigid Tengah beranggapan bahawa waran peruntukan yang diluluskan perlu dibelanjakan dalam tahun semasa iaitu dalam tahun 2013 juga dan khuatir, salah satu perkaranya, jika pembayaran tidak dibuat, pembekalan perabot tidak dapat dilaksanakan dan seterusnya akan menjasikan pembekalanlah. Ini juga telah disusuli dengan surat aku janji daripada pembekal-pembekal yang membekalkan peralatan tersebut.

Tindakan pembetulan dan penambahbaikan kesemua...

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Jelaskan sekali lagi, Dato'. Tadi saya tidak berapa jelas itu, yang slaid sebelum itu. Pembekalan tidak dapat dibuat sebelum...

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Sebelum akhir tahun. Jadi, pihak Pusat Tanggungjawab dalam konteks ini adalah di Brigid Tengah di mana Komander Brigid Tengah selaku Ketua Pusat Tanggungjawab beranggapan sekiranya pembayaran tidak dibuat pada tahun semasa iaitu tahun 2013, pembekalan ataupun perabot-perabot yang diharapkan dapat dibekalkan kepada kem ini tidak dapat dibekalkan.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Maknanya seolah-olah sudah tahu barang itu tidak akan sampai, pembekalan- bukan kata sudah buat kontrak *sign everything* patut sampai pada Disember tetapi benda tidak sampai, tetapi oleh sebab perbelanjaan mesti dikeluarkan, belanja dahulu. Bukan begitu?

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Itu anggapannya. Dia beranggapan, sekiranya tidak dapat dijelaskan pada waktu itu, pembekalan barang itu tidak dapat disempurnakan. Akan tetapi sebenarnya dalam hal ini, bajet yang disalurkan adalah bajet pembangunan. Jadi, salah anggap berlaku di situ yang mana pihak Pusat Tanggungjawab Brigid Tengah telah pun membuat pembayaran. Akan tetapi kemudian daripada itu, selepas tindakan ini dibuat, pembekalan ini telah akhirnya dapat dibekalkan sepenuhnya sampai bulan April 2014. Bermula dari Disember sehingga 16 April 2014.

Tuan Pengerusi: Dato', kenapakah boleh berlaku salah anggapan antara perbelanjaan pembangunan dengan perbelanjaan pengurusan?

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Tuan Pengerusi, ini adalah kerana daripada semakan kita, kurangnya maklumat awal ataupun pengetahuan di kalangan pegawai yang menguruskan. Ini merupakan urusan perolehan yang besar yang pertama dilaksanakan oleh Brigid Tengah. PGA Simpang Renggam di bawah kawalan Brigid Tengah iaitu Komander Brigid Tengah bertempat di Kuala Lumpur. Salah satu batalionnya adalah di Simpang Renggam. Jadi Komander Brigid Tengah yang selaku Ketua Pusat Tanggungjawab ini bersalah anggapan yang perkara ini perlu diselesaikan juga dalam tahun semasa.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi Arahan Perbendaharaan sudah tertera macam mana hendak buat.

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Betul, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Kenapakah pegawai you tidak baca? Tambah lagi, pegawai tertinggi you tidak baca dan tidak cakap kepada orang bawah dia. Selepas itu orang bawah pula tidak ambil tahu untuk hendak ambil tahu Arahan Perbendaharaan. Jadi itu yang saya rasa jadi masalah yang kita rasa kecewa bagaimana perkara ini boleh berlaku. Tadi pegawai Kementerian Kewangan pun dia kecewa juga perkara ini berlaku kerana dia kata Arahan Perbendaharaan sudah ada berpuluh-puluh tahun, kenapa tidak baca.

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Saya setuju, Tuan Pengerusi. Memang perkara ini semasa perbincangan dengan pihak kementerian pun kita akui kelemahan ini memang sudah berlaku. Itulah sebabnya Jawatankuasa Siasatan Dalaman pun telah diwujudkan bagi menyiasat punca dan mengemukakan laporan di mana yang disebut oleh Dato' KSU tadi, cadangan ataupun syor Jawatankuasa Siasatan adalah untuk mengambil tindakan tata tertib terhadap mereka yang bertanggungjawab.

Tuan Pengerusi: Selepas itu *going forwards*, pihak yang menguruskan perkara ini, adakah mereka pegawai polis ataupun mereka pegawai pentadbiran?

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Pegawai Polis. Di semua PTJ (Pusat Tanggungjawab), kalau di Briged Tuan Pengerusi, Komander Briged sendirilah sebagai Ketua Pusat Tanggungjawab. Kalau di negeri-negeri Ketua Polis.

Tuan Pengerusi: Yalah. Maksud saya, lepas ini *there is no more excuse* bahawa pegawai uniform kata pasal pentadbiran dia tidak berapa mahir, tidak berapa tahu. *To me, after this, PAC will expect from police, no more of this excuse.*

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Betul, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Pasal apa, untuk saya, perkara ini perkara akaun yang *basic*. *This is not high finance* atau apa kah yang susah sangat hendak faham.

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Betul.

Tuan Pengerusi: Jadi, lepas ini PAC tidak akan terima lagi alasan bahawa pegawai tidak fahamlah, pegawai tidak bacalah. Terima kasih.

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Baiklah. Seterusnya, ini contoh-contoh perabot-perabot, Tuan Pengerusi, yang telah pun dibekalkan, termasuklah pinggan mangkuk, kanopi dan sebagainya...
[Merujuk kepada slaid pembentangan]

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Perabot-perabot ini sekarang digunakan ataupun masih lagi dalam simpanan?

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Dalam simpanan. Ada yang sudah dipakai, ada yang dalam simpanan.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Jadi ada perabot-perabot ini yang sudah disimpan selama setahun ya. Kalau ia dibekalkan pada bulan April 2014, sekarang sudah setahun dan masih lagi ada dalam simpanan ataupun boleh digunakan, itu kita tidak tahu ya.

■1250

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Perabot-perabot ini memang sentiasa diperiksalah oleh pegawai di Simpang Renggam dan dalam waktu ini memang semuanya dalam keadaan yang boleh digunakan, Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Akan tetapi kalau ikut jadualnya, bila patutnya diperoleh perabot-perabot ini? Kalau ikut jadual. Ada tak *schedule* nya selaras dengan pembangunan bangunan ini?

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Kalau mengikut jadual, sewajarnyalah apabila bangunan itu hampir siap dan pembekalan perabot-perabot ini hendaklah- jadi maknanya selarilah dengan siapnya bangunan itu. Itu sebabnya tadi Dato' KSU telah menyatakan EPU pun telah bersetuju dibagi projek-projek yang akan datang tidak ada lagi pengasingan antara pembekalan perabot dengan projeklah. Maknanya bagi projek-projek polis yang baru Tuan Pengerusi, semuanya akan disekalikan dengan perabot. Jadi tidak berlaku lagilah. Ini adalah antara penambahbaikan yang telah disedari jugalah oleh pihak agensi pusat bagi memastikan perkara ini tidak berulang.

Encik Ahmad bin Ali: Boleh saya tambah? Untuk makluman...

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Dato' Pahlawan, ini satu...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Limbang, bagi EPU cakap dulu.

Encik Ahmad bin Ali: Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Pengerusi, *normally* bawah RMKe-10, bila projek fizikal, itu sekali dengan termasuk kos perabot dan peralatan sekali. *The loose item* kita bagi sekali dengan *construction* dengan perolehan perabot.

Dalam konteks kes ini, *normally* bawah BLT, BLT tidak termasuk dalam kontrak pelabur – yang mana saya tak pastilah. Kalau bawah DE kita bagi.

Tuan Pengerusi: Ini macam kes RTM punya pusat berita lah.

Encik Ahmad bin Ali: Kalau peruntukan bangunan kita bagi...

Tuan Pengerusi: Dapat peruntukan buat bangunan dulu, lepas itu peralatan dalam tak ada, lepas itu bangunan itu jadi ofis sahaja.

Encik Ahmad bin Ali: Walau bagaimanapun Tuan Pengerusi, kita bagi peruntukan bawah DE untuk provide perabot untuk projek bawah BLT. Tengok macam mana dia punya *planning*. Dia punya projek itu siap bila. Ada tempoh tertentu. Dia kena minta dengan EPU...

Tuan Pengerusi: Tak, skim macam BLT itu masih diteruskan kah atau sudah diberhentikan?

Encik Ahmad bin Ali: Yang mana, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Skim-skim macam Pembinaan BLT ini dengan Pembinaan PFI ini masih...

Encik Ahmad bin Ali: Masih diteruskan. Kita boleh bagi.

Tuan Pengerusi: Macam mana you nak selarikan perisian bangunan dengan pembinaan...

Encik Ahmad bin Ali: *That's why* pihak PDRM, KDN kena pastikan tempoh pelaksanaan bila siap. Pastikan bila siap.

Tuan Pengerusi: Ini peruntukan berasingan, bukan peruntukan yang sama.

Encik Ahmad bin Ali: Bawah DE. Kita boleh bagi bawah DE untuk peruntukan kelengkapan.

Tuan Pengerusi: You bagi peruntukan tambahan untuk siapkan perisian dalamannya?

Encik Ahmad bin Ali: Yes, untuk beli perabot dan kelengkapan.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi kalau bangunan itu dia *design* lepas itu untuk perabot yang unik untuk dalam bangunan itu macam mana?

Encik Mohd. Rizal bin Nawabjam: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya mungkin boleh tambah sedikit di sini. Macam ini, Tuan Pengerusi. Bagi projek-projek BLT atau PFI, kami tidak akan memberi peruntukan perabot itu terlebih awal. Contohnya macam bagi projek-projek yang 13 projek yang dilaksanakan pada tahun 2013 ini, permohonan peruntukan telah dimohon pada tahun 2012. So, pada tahun 2012 kita akan mohon pada pihak PDRM atau pihak KDN untuk mengemukakan senarai projek yang akan disiapkan pada tahun 2013 untuk kita dapat memberikan peruntukan yang secukupnya untuk perolehan perabot.

So, bagi kes yang tahun 2013 ini, permohonan telah dibuat pada tahun 2012 kepada pihak EPU lah. So, kita telah mengambil kira 13 projek yang akan disiapkan pada tahun 2013 mengikut jadual asal dan kita telah memperuntukkan sebanyak RM11 juta itu untuk perolehan perabot-perabot tertentulah.

Tuan Pengerusi: Maksud saya begini. Kalau katakanlah buat balai polis- balai polis ada jenis dia punya *safety room* dan sebagainya. You tak boleh masuk *safety room*- peti besi kah, simpan senjata kah- you tak boleh masuk lepas bangunan itu dah siap. You kena *built in as part of the building*. So macam mana you nak kata tadi you boleh bagi peruntukan itu lepas peruntukan bangunan itu siap?

Encik Mohd. Rizal bin Nawabjam: Yang diluluskan yang ini, *loose furniture*, kita berasingan tetapi yang *fix furniture* memang dia akan bersekali dengan bangunan.

Tuan Pengerusi: Ya lah, itu saya kata tadi kalau buat pembinaan cara BLT, BLT hanya untuk *construction* bangunan sahaja. Dalaman dia tak isi. Betul tak?

Encik Mohd. Rizal bin Nawabjam: Saya rasa Tuan Pengerusi, bagi pembinaan...

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Tuan Pengerusi, tetapi untuk projek akan datang – ini yang lepas tetapi ada lagi tambahan kepada projek BLT ini. Yang akan datang dia akan disekalikan dengan perabot. Jadi tidak timbul lagi isu inilah. Tidak timbul lagi isu ini.

Tuan Pengerusi: Peruntukan itu disatukanlah?

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Yes, disatukan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Before you start the project, you actually put all together lah.

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Ya.

Tuan Pengerusi: Baru you start projek. Okey.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Tuan Pengerusi, nak tanya ini Dato' Pahlawan. Tadi balik ke belakang sedikit pasal didapati tidak ada ketirisan, jadi pembayaran dibuat dalam Disember, material semuanya datang sehingga 16 April lah. Siapakah yang buat pengesahan tentang semua barang yang telah dibayar itu selaras dengan barang yang telah sampai? Siapakah yang memastikan barang-barang pada 16 April semuanya seperti apa yang telah pun dibayar?

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Selain daripada pihak PDRM sendiri, Jabatan Audit sendiri ada mengesahkanlah perkara ini. Jabatan Audit sendiri mengesahkan yang peralatan-peralatan ini telah ada dan termasuklah Audit dalam KDN sendirilah. Peralatan-peralatan yang sepatutnya dibekalkan telah pun dibekalkanlah.

Dato' Alwi bin Haji Ibrahim: Ini Yang Berhormat, melalui SPRM punya siasatan memang disahkan bahawa barang itu semua dah ada. Cuma isunya ialah bayar dulu, barang tak sampai, lewat sampai. Itu saja isunya.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Dan ada juga itu masalahnya, dokumen palsu. Jadi itu dah masuk dalam lingkungan apa itu? Dokumen palsu.

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Sebagaimana yang saya sebut tadi Tuan Pengerusi, dokumen palsu itu bukan dalam konteks dipalsukan bagi menentukan ada pulangan persendirianlah tetapi bagi membolehkan pembayaran dibuat, pegawai yang bertanggungjawab itu terpaksa lah menandatangi ataupun menyediakan dokumen mengesahkan yang pembekalan itu sampai kah tidak. Kalau mengikut peraturan memang tak boleh dibayar, Tuan Pengerusi. Itu sebabnya berlakunya...

Tuan Pengerusi: Siapakah yang luluskan? Ketua briged itu sendiri?

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Yang luluskan pembayaran itu ketua briged itu sendiri?

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Ya, ada pegawai yang mengesahkanlah. Ada pegawai lain yang mengesahkan yang peralatan dibekalkan.

Tuan Pengerusi: Bukan komander?

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Bukan.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi komander tahu tak?

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Komander akhirnya tahu lah, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Tak, arahan daripada siapa untuk nak habiskan peruntukan itu?

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Memanglah kalau arahannya datang daripada komander sendirilah.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi komander langsung tak ambil tanggungjawab dengan sain apa-apa lah?

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Dalam Jawatankuasa Siasatan saya rasa ada membabitkan sekali dengan komanderlah. Tanggungjawab itu, akauntabiliti itu pergi kepada komander juga.

Tuan Pengerusi: Sebab itu tadi saya kata perkara ini boleh sampai masuk SPRM, maknanya ada tanggapan bahawa ada unsur rasuah. Jadi soal sekarang ini, kalau akhirnya yang akan dipertanggungjawabkan, sebenarnya komander lah. Pasal apa, kalau tadi Dato' kata memang perkara ini perkara yang dibuat untuk nak belanjakan peruntukan itu sebelum 31 Disember tetapi pada waktu yang sama melanggar peraturan dan juga ada *creative accounting* lah nak *create* apa semua ini, itu menimbulkan syak wasangka yang pertamalah kepada PAC.

Soal barang itu ada kah tak ada, itu tak penting bagi kami pasal memang barang itu ada. Kami pun tak syak langsung. Akan tetapi, perbuatan itu dan kalau ada imbuhan terhadap yang dibayar kah atau oleh- ini saya buat andaian ya, yang dibuat oleh pembekal kepada mana-mana pegawai PDRM, itu timbul syak wasangka kami. Ada tak perkara seperti ini berlaku?

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Dalam kes ini memang disahkan oleh SPRM tidak berlakulah.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Siapakah membuat keputusan untuk membuat pembayaran itu? Siapakah sebenarnya yang membuat keputusan? Komandan ataupun hanya pentadbir?

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Apabila pengesahan dibuat bagi pembekalan yang telah sampai, jadi pembayaran boleh dibuat oleh pegawai kewangan, boleh membuat pembayaran. Jadi pegawai kewangan dia ada *level* yang berbeza. Pegawai kewangan hanya nak menentukan yang ada pengesahan bahawa bekalan telah diterima. Jadi bila ada dokumen mengesahkan itu, pembayaran memang boleh dibuat.

Dato' Kamaruddin bin Jaffar: Akan tetapi, semua peringkat ini aware, sedar bahawa memang tidak sampai lagi benda itu?

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Inilah yang- saya tak lihat hasil siasatan Jawatankuasa Siasatan tetapi perkara ini akan didedahkan daripada hasil Jawatankuasa Siasatan, Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Next. Ini Nota Penghantaran dan invois bagi perabot... [Merujuk kepada slaid pembentangan]

Ini semua perkara-perkara yang berkaitan dengan isu yang dibangkitkanlah, sebab semuanya pengurusan ataupun hal berkaitan perabot ini adalah berkaitan dengan pembayaran, *improper payment* tadilah dan ia berkaitan, Tuan Pengerusi.

Okey. Next. Yang ini sebagai cadangan kita, kos projek ini disekalikanlah.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Surat aku janji itu dibuat oleh pembekal ya?

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Dibuat oleh pembekal, yes.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Ada tak contohnya?

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Ada, ada dalam kita punya ini... [Berbincang dengan pegawai] Jadi itulah, Jawatankuasa Siasatan telah ditubuhkan sebagaimana yang saya sebutkan tadi, Tuan Pengerusi. Okay, next.

■1300

Sebut harga yang tidak dipelawa daripada kontraktor tempatan dan perolehan perabot tidak melalui kontrak pusat sistem panel. Ini juga kelemahan yang ditimbulkan. Pusat Tanggungjawab ini mengakuilah kelemahan ini berlaku. Ini merupakan perolehan kali pertamalah, projek pembangunan dengan jumlah yang besar. Next.

Di pihak ibu pejabat, kita telah mengaturkan kursus asas logistik, pengurusan logistik yang telah dijalankan dan dibuka untuk semua jabatan dalam PDRM. Pihak polis juga telah mewujudkan ataupun membangunkan manual ePerolehan dan ini boleh diakses ke seluruh PDRM lah.

Tuan Pengerusi: Sebelum ini tak ada manual ePerolehan?... [Ketawa]

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Tak, dalam bentuk ePerolehan yang kita sediakan sendiri, Tuan Pengerusi. Kita sudah masukkan dalam- jadi maknanya mudah dirujuklah. Jadi tidak ada alasan macam Tuan Pengerusi sebut tadi. Kalau dia kata tidak ada, sekarang ini dia boleh lihat, buka komputer sahaja boleh nampak ePerolehan.

Seterusnya of courselah, Jawatankuasa Siasatan tadi lah, untuk tindakan yang hendak diambil. Okey.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Dato', kembali kepada surat aku janji tadi ya. Ini surat dia ini. Surat ini ialah permohonan menghantar lambat. Dia lewat. Itu sahaja. Yang memberi akuan barang ini akan dihantar tetapi lewat, itu sahaja.

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Ya.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Dia tidak ada kaitan dengan menerima *advance payment* itu ya. Ini seolah-olah *advance payment*lah ini. Dia dapat pembayaran dahulu. Dia mengakui dia akan hantar lambat. Maknanya yang pertama, kalau ikut jadual, bilakah dia patut hantar? Kalau ikut dalam *order* itu.

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Dalam tahun semasa. Dalam tahun 2013.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Tahun 2013. Jadi membuat permohonan untuk kelewatan masa ya. Dia kena hantar kalau ikut jadual pada tahun 2013. Surat ini mengatakan dia tak dapat menghantar pada tahun 2013, dia hendak kena hantar pada tahun 2014. Jadi ini tak ada kaitannya surat akuan janji lah kalau ikut kita punya pendapat. Surat akuan janji tidak ada kena mengena dengan *that you are to make payment before the end of the year, simply to avoid* atau mengelakkan daripada tak menggunakan peruntukan. Sebenarnya, *the situation is the supplier delays in the delivery*. Itu menjadi satu masalah. Kalau dia *delay in delivery*, tindakan mesti ada dibuat. Kalau ikut biasanya, macam mana kerajaan? *The supplier delays in delivery. And because of that, you have to make certain adjustment to pay before the end of the year* semata-mata kerana hendak mengelakkan supaya jangan hilang peruntukan itulah.

Jadi gambaran awal tadi seolah-olah memang *delivery was supposed to be in 2014*. Jadi tak ada kaitan dengan pembekal. Sebenarnya pembekal ini sudah lewat. So, *what action will you take to* pembekal yang sudah lewat?

Tuan Pengerusi: Dia ada dua kemungkinan, Dato'. Satu kemungkinan, surat itu digunakan sebagai alasan untuk hendak hantar barang itu pada *the next financial year*. Kemungkinan kedua, macam Yang Berhormat Telok Kemang kata, ini mungkin digunakan sebagai alasan untuk dapat *advance payment* supaya pembekal dapat duit, *the favored* pembekal dapat duit untuk beli barang itu dan hantar selepas itu. Itu sahaja sudah jadi timbul tanda tanya lagi. Walaupun sistem perolehan ini ia *selective...*

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Ini melalui sebut harga.

Tuan Pengerusi: Sebut harga. Kita faham MoF sudah luluskan *list* sebut harga itu tetapi pegawai Dato' mungkin ada hubungan yang istimewa dengan *supplier* sebut harga ini. Andaian yang boleh dibuat.

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Ya.

Tuan Pengerusi: Jadi sebab itu saya kata tadi, surat itu ia boleh timbul andaian ia bahawa pegawai Dato' suruh hantar surat itu untuk hendak menghalalkan penghantaran barang itu selepas tahun financial 2013 ke tahun 2014 dan tidak ikut jadual. Ataupun yang keduanya, lebih *sinister* lagi, dia ada hubungan dengan pembekal yang telah dipilih untuk pembekal itu mendapat pembayaran awal supaya dia dapat beli barang itu. Patutnya ikut prosedur, *supply* barang dahulu, baru dapat *payment*.

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Ya.

Tuan Pengerusi: Ini timbul keraguan lagilah. Saya tak tahu macam mana siasatan dalaman yang dibuat oleh polislah. Akan tetapi, kita yang duduk dekat sini, dekat PAC ini pun baru setengah jam pun kita sudah boleh buat andaian begini. Maknanya untuk saya, kelemahan dalam sistem itu ada.

Dato' Alwi bin Haji Ibrahim: Tuan Pengerusi, kalau diizinkan, Pengerusi Jawatankuasa Siasatan ada sini. Mungkin Tuan Haji Johari boleh bantu perjelaskan keadaan.

Encik Johari bin Ismail [Ketua Audit Dalam, Kementerian Dalam Negeri]: Okey, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sebut nama ya. Untuk rekod.

Encik Johari bin Ismail: Nama saya Johari Ismail. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Jawatankuasa ini bila kita menyiasat mengenai contohnya dokumen yang palsu itu, kontraktor ini telah mengesahkan barang itu dihantar dan pegawai pula mengesahkan barang diterima. Jadi itulah yang menyebabkan berlakunya *improper payment* dalam kes ini. Kita mencadangkan pegawai itu oleh sebab tidak mematuhi peraturan kewangan, mereka dicadangkan diambil tindakan. Jadi, mungkin selepas itu kontraktor bercadang membuat surat akuan itu untuk menghantar barang. Akan tetapi di peringkat awal, kesalahannya mengesahkan bahawa barang itu telah dihantar, padahal tidak. Dan pegawai di situ mengaku menerima. Memang pembayaran terpaksa dibuat. Kalau ikut peraturan kerajaan, dalam masa 14 hari pegawai kewangan terpaksa membayar terhadap pengesahan.

Tuan Pengerusi: Dalam kes itu, kalau tindakan punitif diambil, tindakan apa?

Encik Johari bin Ismail: Apakah dia?

Tuan Pengerusi: Tindakan punitif yang diambil untuk...

Encik Johari bin Ismail: Oh, tidak. Tatatertib ini bergantung pada- bila kita syorkan nanti, bergantung kepada Suruhanjaya Polis lah untuk..

Tuan Pengerusi: Oh, ia Suruhanjaya Polis, bukan JPA ya?

Encik Johari bin Ismail: Bukan. Kalau awam itu pergi JPA.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi kalau JPA apa dia punya tindakan selalunya?

Encik Ali Badaruddin bin Abdul Kadir [Timbalan Pengarah Kanan Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam]: Tuan Pengerusi, tengok *merit of the case*. Yang paling tinggi, buang kerjalah. Kalau daripada segi tatatertib salah laku ini, *normally* turun pangkat, kurang gaji ataupun paling minimumnya, amaran. Kalau amaran ini, kesan ia 12 bulan tidak boleh dipertimbangkan sebarang kenaikan pangkat. Contoh macam itulah.

Tuan Pengerusi: Dalam kes ini, untuk saya, amaran itu terlalu *lenient* lah kerana dia kesalahan yang terang-benderang.

Encik Johari bin Ismail: Kita cadang pada Suruhanjaya...

Tuan Pengerusi: Saya tak tahu Suruhanjaya Polis macam mana kalau buat penetapan dalam kes macam ini, tindakan apa yang dibuat.

Tak, rakyat hendak tahu kalau betul-betul ada masalah seperti begini, tindakan yang diambil itu biar tindakan yang padan dengan kesalahan yang dibuatlah. Walaupun pelbagai alasan diberi, tetapi pelanggaran Arahan Perbendaharaan itu memang *clear*. Selepas itu ada percubaan untuk hendak menghalalkan caralah. Jadi kami *monitor* kes inilah, tengok apa Suruhanjaya Polis hendak buat tindakan.

Dato' Alwi bin Haji Ibrahim: Tuan Pengerusi, kita ambil maklum. Macam disebut tadilah, Lembaga akan bersidang akan menentukan kes inilah. Akan tetapi dalam PDRM ini saya rasa memang banyak kes. Even sehingga buang kerja memang banyak berlaku. Kalau dia melakukan kesalahan yang serius, saya ingat Lembaga ataupun SPP ini, suruhanjaya ini memang akan mengambil tindakan yang sangat drastiklah termasuk buang kerja yang memang biasa dilakukan, ramai yang terlibat.

Yang ini saya tak berani hendak beri jaminan sebab Lembaga akan bersidang. Akan tetapi...

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Saya hendak balik kepada aku janji tadi lah ya. Lima buah syarikat ini, dia tauke, kah? Sebab, surat akaun ini, lima buah syarikat ini, ayat yang sama. Seolah-olah ia *standard letter. And to be signed by the company's concern*. Jadi ini, tak tahulah kalau tak timbulkan rasa keraguan dengan ada satu perkara tak betul dilakukan. Apakah penjelasan mengenai dengan surat akaun yang ditandatangani oleh lima buah syarikat berasingan tetapi surat yang sama?

Tuan Pengerusi: Surat yang tadi pegawai Dato' beri kepada Yang Berhormat Telok Kemang itu, ia punya inti pati sama. Bukan inti pati pun, ayat ia pun sama... [Ketawa]

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Saya pun tak boleh hendak membaca tetapi boleh mengandaikanlah Tuan Pengerusi, mungkin pihak syarikat hendak juga membantu pegawai-pegawai yang berkaitan. Dalam konteks itulah. Maknanya apabila pembayaran dibuat tanpa pembekalan dilaksanakan, telah disiasat dan sebagainya...

■1310

Tuan Pengerusi: Statement Dato' itu bahaya, Dato'.

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Ya?

Tuan Pengerusi: Kalau Dato' kata syarikat itu nak bantu pegawai itu, lagi kita syak... [Ketawa]

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Bantu dalam konteks, maksud saya.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Pihak penyiasat itu, perkara macam ini, *how do you look at it? How do you view this situation? Have you seen the letter?*

Encik Johari bin Ismail: Kami berpendapat pegawai di PDRM yang menyediakan surat kepada semua kontraktor itu. Makna, surat yang samalah yang dia orang pun sainlah. Lebih kurang begitulah. Bermaksudnya, satu contoh surat yang sama untuk semua kontraktor. Standardlah, standard perakuan.

Tuan Pengerusi: Itu pun kita syak lagi pasal pegawai yang berkenaan pula yang suruh kontraktor pergi sain.

Encik Johari bin Ismail: Akan tetapi kalau ikut siasatan itu, kita lebih pada tak patuh peraturan kewanganlah.

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Tuan Pengerusi, ia berbalik akhirnya...

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *That confirmed the initiative is daripada pegawai berkenaanlah, not the contractors. The initiative. That confirmed the initiative.* Jadi benda-benda ini memang dah dipersiapkan lebih awal, *is pre-planed*.

Encik Johari bin Ismail: Selepas perabot itu tak sampailah. Bila timbul kes ini, jadi untuk nak memastikan perabot itu sampai, dia orang buat surat itulah.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *But, these letters is before. It is in December. Ia before perabot sampai, kan? Tadi sebut lepas perabot sampai. Which is which?*

Encik Johari bin Ismail: Bukan, Yang Berhormat. Bila Audit Negara datang itu, perabot itu tak sampai, jadi untuk memastikan pembayaran itu dah dibuat- bayaran dah dibuat, perabot tak sampai pada masa itu. Jadi pegawai di situ membuat surat kepada kontraktor sebagai perakuan supaya dapat menghantar perabot.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Tahun 2014. Perabot sampai tahun 2014.

Encik Johari bin Ismail: Tahun 2013.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Perabot sampai tahun 2014.

Encik Johari bin Ismail: Antara Disember hingga April 2014.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *No, no.* Perabot sampai Februari...

Encik Johari bin Ismail: *There are in two stages.*

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *February to April*, kan?

Encik Johari bin Ismail: *The last* itu April.

Tuan Pengerusi: Date surat itu 14 Disember 2013.

Encik Johari bin Ismail: Ikut peringkat tapi Disember pun dah ada hantar dah.

Encik Chiew Koh Chon: Tuan Pengerusi, just untuk makluman Yang Berhormat, Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan, waktu kita audit pada bulan Mac dan lawatan pada awal April 2014, *actually* isu surat aku janji tak timbul sebab kami tak nampak itu semua. Aku janji itu tak ada waktu kita ini. Surat aku janji itu dibangkitkan semasa exit conference dekat Simpang Renggam di mana mantan KSU nya bangkitkan perkara ini. So saya nak emphasize di sini, itu surat aku janji, pembekal bagus, dia janji nak hantar itu barang, betul.

Tapi saya nak emphasize di sini, bila bayaran dibuat itu, sama ada surat aku janji waktu itu ada atau tidak, ini menunjukkan bahawa pegawai yang luluskan itu bayaran, siapa yang semak, mereka mengetahui bahawa barang itu belum sampai. Sebab *the point is*, saya tak mahu pegawai yang mengesahkan barang aset itu bertanggungjawab sebab bukan dia yang mengesahkan barang.

Sebab, kalau *you* ada surat aku janji waktu itu untuk sokong itu barang, ini menunjukkan siapa yang meluluskan bayaran, siapa yang semak bayaran, mereka sedia tahu bahawa barang itu memang belum sampai sebab ada surat aku janji, saya luluskan itu bayaran.

Tuan Pengerusi: Jadi Dato', banyak *action* yang dibuat ini macam *after the fact*lah untuk nak menghalalkan cara. So, *that's why immediately* dalam kepala kami dalam PAC ini timbul keraguan yang besarlah.

Dato' Alwi bin Haji Ibrahim: Yang Berhormat, memanglah kalau *whatever* dokumen apa sekali pun, macam disebut tadi bahawa *once* pembayaran dibuat, barang tak ada, memang itu dah salah. Itu sahaja. *That's why I think the finding of the Jawatankuasa Siasatan* ialah untuk mengambil tindakan tatatertib. Itu sahaja. Dan kita memang setuju tindakan diambil kepada pegawai-pegawai yang terlibat tadilah. Itu sahaja.

Tuan Pengerusi: *And subsequently attempt to justify by creating more documents. That is what have been meant by false documentation*lah. Maknanya bukan sahaja habis dekat memang dah buat salah pertama, tapi nak *cover up* benda yang salah itu dengan *creating new document* dan sebagainyalah. Itu, untuk kamilah, memang tiada maaf bagimulah pasal nampak macam sengaja dibuat. Okey, Dato'.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Nak *confirm* dengan EPU, peruntukan untuk membekal perabot inikan, sebelum PDRM buat tender itukan, bila *you all* bagi peruntukan untuk pembelian perabot kepada PDRM?

Encik Mohd. Rizal bin Nawabjam: Bagi projek ini, Yang Berhormat, kita bagi pada tahun 2013.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Awal tahunkah, pertengahan tahunkah apa?

Encik Mohd. Rizal bin Nawabjam: Pada awal tahun.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Awal tahun 2013 peruntukan...

Encik Mohd. Rizal bin Nawabjam: Dah disalurkan.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Disalurkan ke PDRM untuk panggilan tender perabot?

Encik Mohd. Rizal bin Nawabjam: Yes.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Okey, okey.

Dato' Alwi bin Haji Ibrahim: Disalurkan Yang Berhormat, pada 14 Jun 2013. Kementerian salurkan kepada PDRM.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Ini balik kepada PDRM. *And then* siapa yang menyediakan tender untuk pembelian perabot?

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Daripada Briged Tengah, Yang Berhormat.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *Your contract officer* sanalah?

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Ya. Dia pusat. Kita ada Pusat Tanggungjawab, sebagaimana saya sebut, dan salah satu Pusat Tanggungjawab bagi Simpang Renggam ini adalah di bawah Briged Tengah. Jadi, ia diuruskan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab di Briged Tengah.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Okey, terima kasih.

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Tuan Pengerusi, Ketua Polis Negara memang mengetahui perkara inilah dan amat *concern*. Walaupun dia tak ada di sini, saya ingin menyampaikan kepada Yang Berhormat yang kita mengaku benda ini berlaku. Itu sebabnya dari mula lagi kita memang tidak cuba nak *defense* atau mempertahankan apa yang berlaku.

Tuan Pengerusi: You are in charge of the law. If you try to deny this, I think I will be worrying about your own integrity... [Ketawa]

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Jadi Dato', daripada pengalaman ini, macam mana dengan 23 buah tempat lagi itu? Ada 23 buah tempat lagi yang diadakan peruntukan perabot ini. *This is one* tapi ada lagi 23. *What is the situation in there now? Because,* jumlah yang diluluskan semua ini ialah RM13 juta ya. *RM13.3 million. These according to Audit's Report.* Jumlah perbelanjaan ialah RM12 juta. So, *what is the situation in the other 23 areas? Have this same situation occurring there?* Atau pun sudah dikawal?

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Ya lah, sebagaimana yang saya nak nyatakan di sinilah, yang jadi masalah ini sebab urusan perolehan itu dibuat lewat sangat. Kalau katakan ia dibuat awal tahun, awal bulan Jun atau Mei, saya rasa tak timbulah. Jadi, yang lain-lain tempat ataupun premis, kita tak dapat maklumat yang mengatakan ada berlaku kejadian sebeginilah tetapi apa yang berlaku dalam kes ini, apabila urusan perolehan itu dibuat hujung tahun, bulan November, bulan Oktober itu, memang perkara ini akan berlakulah atau dijangka boleh berlaku, Yang Berhormat. Akan tetapi setakat ini kita tak ada menerima maklumat tentang kejadian yang serupa berlaku di tempat-tempat lainlah. Saya rasa yang lain-lain ini dapat berjalan dengan teraturlah.

Encik Rosli bin Yaakub: Yang Berhormat, sebenarnya saya lihat yang ada satu itu, perolehan perabot ini sebenarnya kena buat melalui panel Kontrak Pusat. Kita pun tak bincangkan pada awal tadi. Akan tetapi di peringkat agensi pelaksana, dia membuat sebut harga kepada kontraktor. Saya tak pasti kontraktor ini ada di dalam panel pusat ataupun tidak ada. Saya fikir mungkin tidak ada.

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Ini adalah antara kelemahan-kelemahan yang wujud dalam penemuan, saya ingat... [Berbincang dengan pegawai] Memang telah kita jelaskan tadi, memang berlaku kelemahan.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi Dato', penambahbaikan ini dibuat untuk seksyen ini sahaja atau keseluruhan dalam polis?

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Kita ambil kira keseluruhan, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Keseluruhan ya, okey.

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Apabila perkara ini dah berlaku, *in fact*, Ketua Polis Negara sendiri telah memanggil Ketua-ketua Polis Negeri untuk mengingatkan mereka tentang *findings* yang telah berlaku ini dan kita mengambil tindakan memperbetulkan.

Tuan Pengerusi: Jadi kita ambil beratlah, pasal kalau tidak, macam tadi apa yang dimaklumkan oleh Kementerian Kewangan, tajuk dia *central procurement*...

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: No, no.

Tuan Pengerusi: ...Akan tetapi dibuat di tempat lain dan tak ikut senarai pembekal yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan. So, itu pun *bypassing the procurement* punya peraturanlah...
[Disampuk] Yang berkuat kuasa itu perabotlah tapi saya cakap tadi pasal keseluruhanlah. Ada *procurement* yang nak beli kereta, nak beli senjata, nak beli macam-macam lagilah.

■1320

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Tak. Kebanyakan Yang Berhormat, kita buat di peringkat sentral sama ada di Bukit Aman ataupun bersama-sama dengan Kementerian Dalam Negeri bagi perolehan-perolehan yang besarlah. Akan tetapi dalam perolehan-perolehan yang kecil, yang mana di bawah kemampuan Pusat-pusat Tanggungjawab ini, kita ataupun pihak kementerian akan salurkan peruntukan terus kepada Pusat-pusat Tanggungjawab untuk diuruskan sebut harga di peringkat masing-masinglah.

Tuan Pengerusi: Selepas itu *user input-* walaupun *you centralize*, tetapi *user input* di bawah ini kena ambil juga untuk apa keperluan yang sebenarnyalah.

Dato' Alwi bin Haji Ibrahim: Yang Berhormat, memang itu Yang Berhormat, kita...

Tuan Pengerusi: Ada *limit of procurement*, bukan.

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Ini yang tadi disebut tentang tidak dipelawa oleh panel kontrak pusat, sistem panel. Ini memang diakui sendiri oleh Pusat Tanggungjawab inilah tentang tidak pengetahuan dalam hal ini, yang mana yang kita sudah ambil tindakan susulan yang sebagaimana saya sebut tadi, kita telah pun *upload* manual ePerolehan ini dalam sistem polis dan ini dapat diakses kepada semua Pusat Tanggungjawab kita.

Tuan Pengerusi: *I am quite surprise.* Itu hari masa isu kehilangan senjata itu pun / sudah *surprise* dah. Saya sendiri *personally* sudah *surprise*. Akan tetapi sekarang ini bila Dato' terangkan pasal penambahbaikan yang hendak dibuat ini, baru hendak *roll out* manual ePerolehan, baru hendak ber kursus kepada pegawai-pegawai, *I am quite surprise* polis lambat dalam hal pengurusan perolehan ini berbanding dengan jabatan lain. Akan tetapi tidak mengapalah, *we look at going forward to make sure it that does not happen again.*

Dato' Alwi bin Haji Ibrahim: Yang Berhormat, kursus ini kita perlu adakan secara berterusan sebab pegawai-pegawai sering bertukar *from one unit to another unit*. Jadi memang *we will continue to have this kind. Even* dalam perkhidmatan yang *civilian* ini pun, sama juga, *right from the clerical* sampai kepada pegawai sebab kita bergerak *because of promotion, tukar, because of pelbagai sebab.*

Tuan Pengerusi: *I think today, the basic entry level for police officer pun should be what? SPM?* SPM untuk kerani. Yang macam kalau pegawai? Diploma?

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Pengerusi: *Degree.* So, soal pegawai cerdik tidak cerdik, itu sudah tidak timbul lagi untuk saya dalam pengurusan PDRM. Ini kerana kalau mereka ada *basic degree*, *we assume that they are already ready for all the demands of the peraturan kerajaan ini.*

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Pengerusi: Saya bukan apa, saya hendak repeat sekali lagi lalah macam saya repeat itu hari. Sistem akaun akruan ini akan dilaksanakan. You have to produce your own department punya akaun selepas ini. Kalau perkara-perkara basic dalam akaun seperti ini, aset tidak direkodkan dan sebagainya, perkara ini akan menggagalkan usaha PDRM untuk membuat akaun PDRM itu sendiri yang akan disain oleh Ketua Polis Negara sebagai pegawai yang bertanggungjawab. Jadi, masih ada masa lagi untuk hendak membuat pembetulan ini. Saya harap perkara ini akan diteruskanlah, penambahbaikan ini. Terima kasih.

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Pengerusi: The system is system, Dato'. The people... [Ketawa]

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Pengerusi: Okey, sudah pukul 1.25 petang, saya fikir kita tidak ada masa untuk continue.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak apa, tidak apa. Cuma satu saya tanya tadi itu, daripada 63,963 buah kuarters kita itu, berapa...

Tuan Pengerusi: Belum masuk kuarters lagi... [Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw: Sebelum...

Dato' Alwi bin Haji Ibrahim: Tuan Pengerusi, soalan Yang Berhormat, because masa tidak ada, kita straight to jawab soalan...

Dr. Tan Seng Giaw: Sebelum kita tamatkan, berapa yang condemn sekarang ini? Kerana tidak adil kalau kita untuk RM150 juta atau RM100 juta, bangunan condemn dan sebagainya, macam mana...

Dato' Alwi bin Haji Ibrahim: Kita ada maklumat ini.

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Contoh di hadapan... [Merujuk kepada slaid pembentangan]

Daripada 46,000 ini, ada 2,800 yang tidak boleh didiami oleh sebab kerosakan atau 6.4%. So 92% didiami. So ini dia punya snapshot Yang Berhormat Tuan Pengerusi tentang kedudukan kuarters-kuarters polis. Ini tidak termasuk PGA... [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Jumlah keseluruhan termasuklah Pasukan Gerakan Am, pusat latihan... [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Dr. Tan Seng Giaw: Sebelum kita tamatkan, pada fikiran saya, saya setiap kali nampak misalnya dengan Sentul sekarang pejabat baru, bangunan baru, walaupun ada kelemahan sedikit...

Tuan Pengerusi: Ada kah?

Dr. Tan Seng Giaw: Memang ada punya.

Tuan Pengerusi: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Dr. Tan Seng Giaw: Itu lebih baik dari Johor Bahru. Johor Bahru IPK pun tidak ada langsung. Ini kita ada. Johor Bahru tidak ada langsung projek itu.

Dato' Alwi bin Haji Ibrahim: Sedang dibina, Yang Berhormat. Almost completed.

Dr. Tan Seng Giaw: Sedang dibina? Itu masalahnya... *[Disampuk]* Hulu? Tidaklah itu, dekat dengan Singapura itulah masalahnya. Setiap kali saya nampak bangunan baru, tidak lama dia rosak di dalam, rosak di situ. Tadi kita ada pembudayaan penyelenggaraan, kita mesti diadakan di pasukan polis.

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah: Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat, memang penyelenggaraan itu dibuat. Sebagaimana yang disebut oleh Dato' KSU tadi, peruntukan yang disalurkan terhad, amat terhad. Keperluan kita tadi lebih kurang RM230 juta setahun untuk menentukan kesemua berek-berek dan bangunan-bangunan polis dapat disenggarakan dengan baiklah. Akan tetapi dengan peruntukan yang terhad, kita terpaksa mengikut keutamaan. Jadi sudah tentunya bangunan baru itu akan kuranglah.

Akan tetapi apa yang berlaku sekarang ini, dalam projek-projek yang ada, kita telah cuba untuk mendapatkan *contract facility management* untuk bangunan-bangunan itu. Walaupun lebih tinggi harganya, tetapi kita dapat pastikan jangka hayat sesesuatu bangunan itu dapat dilanjutkan. Ini memang sedang diusahakanlah sebab peruntukan memang terhad.

Kalau saya ambil contoh, kita menerima di bawah peruntukan menyenggara setahun yang harus dikongsi. Selain daripada apa yang disebut oleh Dato' KSU tadi, itu peruntukan khas RM100 juta dan sebagainya, di bawah kod 28000, di mana yang ini juga selain daripada kerja-kerja pemberian kecil bagi tujuan menyenggara ini, ada komited kontrak terpaksa kita lunaskan. Jadi ini tidak mencukupi. Termasuk jugalah kerja-kerja pemberian kenderaan, Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Jumlah yang kita terima contohnya bagi tahun 2015, sebanyak RM252 juta untuk di bawah Kod 28000 tetapi ini harus dikongsi dengan macam-macam perkara, selain daripada kerja-kerja pemberian bangunan. Keperluan kita sebenarnya hampir RM500 juta.

Jadi, memang tidak akan cukup. Itu sebabnya kita terpaksa melihat di mana keutamaan yang ada. Itu sebabnya berlaku kejadian di mana kita tidak berupaya untuk menyenggara lif dengan sempurna secara sepenuh masa. Jadi berlaku keadaan di mana kadangkala lif-lif pun rosak sekali gus, semua lif. Jadi, ini yang berlaku. Akan tetapi memang pihak Kementerian bersama-sama dengan PDRM memang berusaha keras untuk mendapat simpati daripada Kementerian Kewangan bagi menentukan peruntukan yang sewajarnya dapat di...

Tuan Pengerusi: Dengar itu Kementerian Kewangan.

Encik Rosli bin Yaakub: Ya.

Tuan Pengerusi: Dato', saya rasa kita sudah tidak ada masa. Kalau boleh kita tamatkan prosiding ini pada hari ini, tetapi kita sambung baliklah pada hari yang lain. Saya rasa isu kuarters ini dia *more* kepada isu peruntukan dan juga pentadbiran pengurusan. *It is not priority to us.* Yang *priority* tadi itu yang isu perolehan tadi itu, *improper payment* tadi itu. Kalau boleh nanti kita tangguhkan kepada masa yang lain.


Walau bagaimanapun, saya ucapkan terima kasih kepada Dato' kerana sudi datang pada hari ini untuk memberikan penjelasan kepada kita. Kami betul-betul di PAC berharap bahawa tindakan diambil kepada pegawai-pegawai yang terlibat tadi. *Actually, it is as a signal, don't do it again.*

Ini kerana imej polis ini tidak boleh diwarnai dengan apa-apa keraguan pun. Jadi, saya rasa kita di PAC bersetujulah dengan penambahbaikan yang akan dibuat dan ini akan memantapkan lagi sistem perolehan dalam PDRM selepas ini, bukan sahaja dalam perolehan untuk perabot ini, tetapi secara keseluruhan perolehan dalam PDRM. Jadi, saya ucapan terima kasih kepada Dato' kerana sudi datang pada hari ini.

Dato' Alwi bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.31 petang.]

**DOKUMEN
PEMBENTANGAN**



RAHSIA KEMENTERIAN DALAM NEGERI
Polis DiRaja Malaysia

2

PENDAHULUAN

- Cadangan pembangunan semula Kem Batalion 5, PGA Simpang Renggam, Johor telah diluluskan oleh Kerajaan untuk dilaksanakan oleh Pembinaan BLT Sdn. Bhd. (PBLT) yang melibatkan 3 pakej dengan nilai keseluruhan berjumlah RM320.40 juta. Maklumat lanjut seperti dalam Jadual 1.

RAHSIA

| RAHSIA | KEMENTERIAN DALAM NEGERI Polis DiRaja Malaysia | | |  |
|---|---|--|--|---|
| 3 | | | | |
| JADUAL 1 PAKEJ PEMBANGUNAN SEMULA KEM BATALION 5, PGA SIMPANG RENGGAM, JOHOR | | | | |
| PERKARA | PAKEJ 1 | PAKEJ 2 | PAKEJ 3 | |
| Nama Projek | Cadangan Pembangunan Semula Kem Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 5 Di Atas Lot 3122, Mukim Simpang Renggam, Daerah Kluang, Johor | | | |
| Pemaju | Pembinaan BLT Sdn. Bhd. | Pembinaan BLT Sdn. Bhd. | Pembinaan BLT Sdn. Bhd. | |
| Kontraktor Utama | Lestari Nilam Suria Synergy JV (Kontraktor Penyelamat) | Lekaz Construction Sdn. Bhd. | Promosi Mantap Sdn. Bhd. | |
| Harga Kontrak | RM157.40 juta | RM110 juta | RM53 juta | |
| Tarikh Milik Tapak | 15.09.2011 | 15.12.2008 | 15.12.2008 | |
| Status Kemajuan | 56%* | Tarikh perolehan CCC** pada 22.02.2013 | Tarikh perolehan CCC** pada 22.02.2013 | |

Sumber : Bahagian Pembangunan Kementerian Dalam Negeri (KDN) Dan Laporan Kemajuan Projek Oleh Lestari Nilam Suria Synergy JV
Nota : () - Status Kemajuan Kerja Berdasarkan Laporan Kemajuan Projek No. 130 (Mingguan) Pada 14 Mac 2014*
*(**) - Certificate Of Completion And Compliance*

RAHSIA

| RAHSIA | KEMENTERIAN DALAM NEGERI Polis DiRaja Malaysia | | |  |
|--|--|-----------------|------------------------------|---|
| 4 | | | | |
| <ul style="list-style-type: none"> Perolehan perabot untuk Batalion 5, PGA Simpang Renggam telah diuruskan oleh PGA Briged Tengah dengan mempelawa 5 sebut harga yang berlainan pada bulan Oktober dan November 2013. Maklumat lanjut seperti dalam jadual berikut: | | | | |
| JADUAL 2 PELAWAAN SEBUT HARGA OLEH PGA BRIGED TENGAH | | | | |
| BIL. | NO. SEBUT HARGA | TARIKH PELAWAAN | PENYEPUT HARGA BERJAYA | NILAI PEROLEHAN (RM) |
| 1. | IP BDE TGH/BKLN/01/2013 | 18.10.2013 | UMSK Enterprise | 98,900 |
| 2. | IP BDE TGH/BKLN/02/2013 | 18.10.2013 | Lambang Teguh Enterprise | 69,485 |
| 3. | IP BDE TGH/BKLN/03/2013 | 18.10.2013 | Emairah Enterprise | 202,400 |
| 4. | IP BDE TGH/BKLN/05/2013 | 18.10.2013 | MA Technologies System | 297,885 |
| 5. | IP BDE TGH/BKLN/06/2013 | 15.11.2013 | B.TIS Manufacturer Sdn. Bhd. | 71,480 |
| JUMLAH | | | | 760,150 |

RAHSIA

RAHSIA KEMENTERIAN DALAM NEGERI
Polis DiRaja Malaysia

5

BANGUNAN QUARTERS,
KEM BATALION 5,
PGA SIMPANG RENGHAM

BANGUNAN PENTADBIRAN,
KEM BATALION 5,
PGA SIMPANG RENGHAM

TAPAK BANGUNAN
PENTADBIRAN, KERJA MENANAM
CERUCUK (KEMAJUAN KERJA 3%
PADA 14 MAC 2014)

DEWAN SERBAGUNA,
PGA SIMPANG RENGHAM

SURAU AN-NUR,
PGA SIMPANG RENGHAM

MES PEGAWAI KANAN DALAM
PEMBINAAN (KEMAJUAN KERJA
73% PADA 14 MAC 2014)

RAHSIA

RAHSIA KEMENTERIAN DALAM NEGERI
Polis DiRaja Malaysia

6

SKOP PENGAUDITAN

- Merangkumi pengurusan perolehan perabot pada tahun 2013 bagi Kem Batalion 5, PGA Simpang Renggam meliputi aspek perancangan, perolehan, pendaftaran dan penyimpanan perabot.

RAHSIA

| RAHSIA | | KEMENTERIAN DALAM NEGERI Polis DiRaja Malaysia |  |
|------------------------------------|--|---|---|
| 7 | | | |
| KRONOLOGI PENGAUDITAN | | | |
| TARIKH | PERKARA | | |
| 14.03.2014 | Pengauditan Interim di PGA Briged Tengah, Cheras | | |
| 30.03.2014 | Pengauditan Lanjutan di PGA Briged Tengah, Cheras | | |
| 01.04.2014 dan 02.04.2014 | Pemeriksaan fizikal di Batalion 5, PGA Simpang Renggam | | |
| 03.04.2014 | Semakan Audit di Bahagian Pembangunan, KDN | | |
| 11.04.2014 hingga 17.04.2014 | Pengauditan di Bahagian Bangunan, PDRM Bukit Aman | | |
| 30.10.2014 | Maklum Balas daripada KDN bagi Pengauditan Terhadap Pengurusan Perolehan Perabot bagi Cadangan Pembinaan Semula Kem Batalion 5, PGA Simpang Renggam | | |
| RAHSIA | | | |

| RAHSIA | | KEMENTERIAN DALAM NEGERI Polis DiRaja Malaysia |  |
|--|--|---|---|
| 8 | | | |
| KRONOLOGI PENGAUDITAN (samb...) | | | |
| TARIKH | PERKARA | | |
| 08.11. 2014 | Exit Conference (Pengerusi – Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri) | | |
| 06.03.2015 | -Tandatangan Laporan Audit Prestasi (LKAN) oleh Ketua Audit Negara | | |
| 09.03.2015 | Maklum Balas daripada KDN bagi Pengauditan Terhadap Pengurusan Perolehan Perabot bagi Cadangan Pembinaan Semula Kem Batalion 5, PGA Simpang Renggam | | |
| 13.03.2015 | LKAN dibentangkan kepada Jemaah Menteri | | |
| 06.04.2015 | LKAN dibentangkan di Parlimen | | |
| RAHSIA | | | |

RAHSIA KEMENTERIAN DALAM NEGERI
Polis DiRaja Malaysia 

9

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
PERSEKUTUAN SIRI 1 (muka surat 248)

Perenggan 13.5.1.1. : Bayaran Dibuat Sebelum Perabot Dibekalkan (*Improper Payment*)

13.5.1.1. Semakan Audit mendapati perolehan dan pembayaran perabot bagi Kem Batalion 5 PGA Simpang Renggam yang diuruskan oleh PGA Briged Tengah telah dibuat pembayaran penuh berjumlah RM760,150 pada 24 dan 27 Disember 2013 walaupun tiada sebarang perabot dibekalkan sebelum atau pada tarikh tersebut. Perabot di PGA Simpang Renggam hanya dibekal antara 30 Disember 2013 hingga 16 April 2014. Butiran lanjut seperti dalam jadual berikut:

RAHSIA

RAHSIA KEMENTERIAN DALAM NEGERI
Polis DiRaja Malaysia 

10

JADUAL 3
BAYARAN DIBUAT SEBELUM PERABOT DIBEKALKAN

| BIL. | NO. BAUCAR BAYARAN | TARIKH BAUCAR BAYARAN | AMAUN (RM) | PEMBEKAL | PENERIMAAN PERABOT | |
|---------------|-----------------------------------|--------------------------------------|-----------------------|------------------------------------|-----------------------------------|------------------------------------|
| | | | | | PADA TARIKH PEMBAYARAN | PGA SIMPANG RENGGAM |
| 1. | B0873 | 24.12.2013 | 202,400 | Emairah Enterprise | | 18.02.2014 |
| 2. | B0899 | 27.12.2013 | 297,885 | MA Technologys System | | 24.03.2014 hingga 16.04.2014 |
| 3. | B0898 | 27.12.2013 | 89,485 | Lambang Teguh Enterprise | Tiada Perabot Diterima | 18.02.2014 dan 30.03.2014 |
| 4. | B0897 | 27.12.2013 | 98,900 | UMSK Enterprise | | 30.03.2014 |
| 5. | B0896 | 27.12.2013 | 71,480 | B.TIS Manufacturer Sdn. Bhd. | | 30.12.2013 dan 06.01.2014 |
| JUMLAH | | | 760,150 | | | |

Sumber:PGA Briged Tengah, Cheras

RAHSIA

RAHSIA KEMENTERIAN DALAM NEGERI
Polis DiRaja Malaysia 

11

Pada pendapat Audit, pembayaran bagi pengurusan perolehan ini tidak mengikut peraturan kerana telah berlaku *improper payment*. Di dalam Surat Setuju Terima (SST) telah dinyatakan dengan jelas bahawa pembayaran hanya boleh dilakukan sekiranya perkhidmatan dan bekalan telah diterima sepenuhnya. Tambahan pula, surat aku janji yang dinyatakan oleh pihak Kementerian tidak dinyatakan langsung dalam SST berkenaan.

RAHSIA

RAHSIA KEMENTERIAN DALAM NEGERI
Polis DiRaja Malaysia 

12

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
PERSEKUTUAN SIRI 1 (muka surat 256)**

Perenggan 13.5.1.3. Dokumen Palsu Bagi Tujuan Penyelesaian Pembayaran


13.5.1.3.(b) Pihak Audit mendapati sejumlah 12 nota penghantaran telah diterima di PGA Simpang Renggam berbanding 5 nota penghantaran yang diterima di PGA Briged Tengah untuk tujuan pembayaran. Ini menunjukkan telah berlaku pemalsuan dan penipuan terhadap dokumen pembayaran dalam pengurusan perolehan perabot. Contoh perbandingan antara 2 versi nota penghantaran yang dimaksudkan adalah seperti dalam **Gambar 1** dan **2**.

RAHSIA

RAHSIA KEMENTERIAN DALAM NEGERI
Polis DiRaja Malaysia 


13

GAMBAR 1



Dokumen pembayaran palsu
- Tarikh penghantaran perabot dinyatakan pada 22.12.2013

GAMBAR 2



Tarikh sebenar perabot dilhantarkan pembekal pada 30.03.2014

PGA Briged Tengah
- Nota Penghantaran ePerolehan Yang Diterima Daripada UMSK Enterprise Pada 22 Disember 2013 (30.03.2014)

Batalion 5 PGA Simpang Renggam
- Nota Penghantaran Manual Yang Diterima Daripada UMSK Enterprise Pada 30 Mac 2014 (01.04.2014)

RAHSIA

RAHSIA KEMENTERIAN DALAM NEGERI
Polis DiRaja Malaysia 

14

Pada pendapat Audit, kawalan dalaman bagi pengurusan perolehan perabot adalah sangat lemah dan menyebabkan berlakunya pemalsuan dokumen sokongan dalam pembayaran dan *improper payment*. Sehubungan itu, pihak KDN/PDRM perlu menukuhkan Jawatankuasa Siasatan bagi menyiasat perkara ini.

RAHSIA

RAHSIA KEMENTERIAN DALAM NEGERI
Polis DiRaja Malaysia

15



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
PERSEKUTUAN SIRI 1 (muka surat 264)

Perenggan 13.5.3.1. Perolehan Secara Sebut Harga - Sebut Harga Tidak Dipelawa Daripada Kontraktor Tempatan

13.5.3.1. Semakan Audit mendapati sebut harga telah diuruskan oleh Ibu Pejabat PGA Briged Tengah, Cheras melalui panggilan 5 sebut harga yang berlainan. Semakan Audit juga mendapati syarikat yang ditawarkan sebut harga adalah daripada syarikat yang beralamat di Bangi, Selangor; Shah Alam, Selangor dan Kuala Terengganu, Terengganu.

RAHSIA

RAHSIA KEMENTERIAN DALAM NEGERI
Polis DiRaja Malaysia

16



Pada pendapat Audit, pembuat/pembekal tempatan di Johor juga boleh dipelawa menyertai sebut harga memandangkan pemilihan syarikat yang berdekatan dengan pengguna akhir iaitu Kem Batalion 5, PGA Simpang Renggam adalah lebih berkesan dan mengurangkan harga jualan. Ini kerana kos penghantaran, kos pemasangan, kos membaiki kecacatan dan khidmat selepas jualan yang tinggi disebabkan oleh faktor jarak lokasi akan diserap oleh syarikat ke dalam harga jualan yang menyebabkan peningkatan harga jualan.

RAHSIA

| | | |
|--|---|---|
| RAHSIA | KEMENTERIAN DALAM NEGERI Polis DiRaja Malaysia |  |
| 17 | | |
| LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN SIRI 1 (muka surat 265) | | |
| Perenggan 13.5.3.2. Perolehan Perabot Tidak Dibuat Melalui Kontrak Pusat Sistem Panel | | |
| <p>13.5.3.2. Semakan Audit mendapati PGA Brigid Tengah telah membuat perolehan perabot berasaskan kayu, perabot berasaskan logam dan katil di kalangan pembekal bukan Kontrak Panel dan kebenaran Perbendaharaan Malaysia tidak diperoleh terlebih dahulu bagi perolehan tersebut. Nilai keseluruhan item perabot yang dibuat di luar kontrak pusat berjumlah RM370,238. Butiran terperinci adalah seperti dalam jadual berikut:</p> | | |
| RAHSIA | | |

| JADUAL 4 PEROLEHAN PERABOT TIDAK DIBUAT MELALUI KONTRAK PUSAT SISTEM PANEL | | | | | | |
|---|---|-------------------------|----------------------------|----------------------------|---|--|
| BIL | ITEM PERABOT | KUANTITI (SET/ UNIT) | NILAI PEROLEHAN (RM) | NAMA PEMBEKAL | BILANGAN SYARIKAT KONTRAK PANEL YANG BERKUATKUASA | PEKELILING KONTRAK PERBENDAHARAAN (PKP) |
| Perabot Berasaskan Kayu | | | | | | |
| 1. | Meja Measyurat | 2 | 12,000 | | | |
| 2. | Kursi Meeyurat | 50 | 10,000 | | | |
| 3. | Rostrum | 2 | 1,200 | | | |
| 4. | Almari Bergerimik | 30 | 29,850 | | | |
| 5. | Meja Serbaguna 6 Kursi | 5 | 1,500 | MA Technology System | 48 syarikat di zon tengah dan 15 syarikat di zon selatan | PKP Bil. 6 Tahun 2013 |
| 6. | Rak Fall Tertutup | 10 | 4,500 | | | |
| 7. | Rak Fall Terbuka | 50 | 17,500 | | | |
| 8. | Rak Fall | 20 | 8,000 | | | |
| 9. | Rak Simpanan Barang Tanpa Cermin | 10 | 59,800 | | | |
| Perabot Berasaskan Logam | | | | | | |
| 10. | Kabinet Besi 4 Laci | 90 | 28,800 | | | |
| 11. | Gerobok Besi Berlingkat | 28 | 10,500 | | | |
| 12. | Almari Besi 2 Pintu Single Compartment Locker | 100 | 21,500 | | | |
| 13. | Kabinet Senjata Apl | 350 | 67,200 | Emairah Enterprise | 11 syarikat | PKP Bil. 3 Tahun 2012 |
| 14. | Rak Simpanan Tayar | 8 | 74,400 | | | |
| 15. | Pigeon Hole 15 Lubang | 4 | 1,468 | | | |
| 16. | | 15 | 7,500 | | | |
| Item Lain | | | | | | |
| 17. | Katil | 100 | 14,500 | MA Technology System | 10 syarikat | PKP Bil. 18 Tahun 2012 |
| JUMLAH | | | 370,238 | | | |

RAHSIA

KEMENTERIAN DALAM NEGERI
Polis DiRaja Malaysia

19

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
PERSEKUTUAN SIRI 1 (muka surat 266)

Perenggan 13.5.3.3. Spesifikasi Khusus Tidak Ditentukan Semasa Tawaran Sebut Harga

13.5.3.3. Semakan Audit mendapati tawaran sebut harga yang dilaksanakan oleh PGA Briged Tengah tidak menyatakan secara terperinci spesifikasi item yang diperlukan seperti kapasiti, ukuran, jenis/material dan kuantiti. Antara pembelian yang terlibat ialah peti sejuk, freezer, televisyen, set sofa, tilam, bantal, PA System/LCD Projector, vertical blind, set pinggan mangkuk dan set buffet. Spesifikasi yang tidak dinyatakan secara khusus menyebabkan pengesahan barang tidak dapat dilakukan bagi memastikan barang yang diterima adalah mengikut keperluan pembelian, perbandingan harga pasaran tidak dapat dilaksanakan, penentuan kos sebenar tidak dapat dibuat serta jaminan kualiti barang tidak dapat ditentukan. Antara item perabot yang tidak ditentukan spesifikasi seperti dalam **Jadual 5** dan **6**.

RAHSIA

RAHSIA

KEMENTERIAN DALAM NEGERI
Polis DiRaja Malaysia

20

JADUAL 5
SPESIFIKASI TIDAK DITENTUKAN SEMASA TAWARAN SEBUT HARGA MENYEBABKAN
PENGESAHAN BARANG DAN KOS PEROLEHAN TIDAK DAPAT DILAKSANAKAN

| SPESIFIKASI DINYATAKAN DOKUMEN SEBUT HARGA | HARGA PEROLEHAN | SEMAKAN FIZIKAL PIHAK AUDIT | | HARGA PASARAN |
|--|--------------------|--------------------------------|----------|--|
| | | JENIS PERALATAN | KUANTITI | |
| Set Buffet | 20 set | Golden Bell Chafing Dish | 5 | Antara RM299 hingga RM580 seunit |
| | | Dome Set | 5 | |
| | | Chafing Dish | 10 | |

RAHSIA

| RAHSIA | KEMENTERIAN DALAM NEGERI Polis DiRaja Malaysia | | | | | [Logo] | |
|--|---|-----------------------------|--------|--------------------|----------|--------|--|
| 21 | | | | | | | |
| JADUAL 6 SPESIFIKASI TIDAK DITENTUKAN SEMASA TAWARAN SEBUT HARGA | | | | | | | |
| SPESIFIKASI DINYATAKAN DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA | | SEMAKAN FIZIKAL PIHAK AUDIT | | | | | |
| JENIS PERALATAN | KUANTITI | KAPASITI | UKURAN | JENIS/ MATERIAL | KUANTITI | | |
| Freezer | 3 | x | x | x | / | | |
| Peti Sejuk | 5 | x | x | x | / | | |
| Tilam | 100 | TB | x | x | / | | |
| Set Sofa 3+2+1 | 10 | TB | x | x | / | | |
| Televisyen LCD 32" | 5 | TB | / | x | / | | |
| Vertical Blind | Secukupnya | TB | x | x | x | | |
| <i>Nota : (/) - Dinyatakan (x) - Tidak Dinyatakan (TB) - Tidak Berkenaan</i> | | | | | | | |
| RAHSIA | | | | | | | |

| | | | | | | |
|---|---|--|--|--|--|--------|
| RAHSIA | KEMENTERIAN DALAM NEGERI Polis DiRaja Malaysia | | | | | [Logo] |
| 22 | | | | | | |
| <p>Pada pendapat Audit, pelawaan sebut harga secara <i>lump sum</i> perlu dielakkan. Spesifikasi item perlu dinyatakan dengan jelas dalam dokumen tawaran sebut harga/tender bagi memastikan peralatan yang dibekalkan memenuhi keperluan pengguna/Jabatan, memudahkan pengesahan terhadap barang dilaksanakan dan mengurangkan risiko penyelewengan.</p> | | | | | | |
| RAHSIA | | | | | | |

RAHSIA KEMENTERIAN DALAM NEGERI
Polis DiRaja Malaysia

23

GAMBAR 3



GAMBAR 4



Kuarters Anggota
- Spesifikasi Freezer Tidak Dinyatakan
(01.04.2014)

Stor Bekalan
- Set Buffet Yang Diterima Mempunyai Spesifikasi
Yang Berbeza-beza
(01.04.2014)

RAHSIA

RAHSIA KEMENTERIAN DALAM NEGERI
Polis DiRaja Malaysia

24

GAMBAR 5



GAMBAR 6



PGA Simpang Renggam
- Perabot Sedang Dipunggah Oleh Pembekal
Daripada Lori
(01.04.2014)

D-01-06, Kuarters Blok D
- Meja Mesyuarat Belum Dipasang Dan Digunakan
(01.04.2014)

RAHSIA

RAHSIA KEMENTERIAN DALAM NEGERI
Polis DiRaja Malaysia

25

GAMBAR 7



Kuarters Anggota
- Katil Yang Masih Belum Dipasang Dan Digunakan
(01.04.2014)

GAMBAR 8



Stor Bekalan
- Vertical Blind Yang Masih Belum Dipasang
Dan Digunakan
(01.04.2014)

RAHSIA

RAHSIA KEMENTERIAN DALAM NEGERI
Polis DiRaja Malaysia

26

PERATURAN BERKAITAN PENGURUSAN PEROLEHAN PERABOT

PGA Briged Tengah dan PDRM Bukit Aman adalah bertanggungjawab dalam perolehan perabot bagi PGA Simpang Renggam

- Perenggan 2, Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 20 Tahun 1980;
- Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009;
- Arahan Perbendaharaan 178.1(b);

RAHSIA

RAHSIA KEMENTERIAN DALAM NEGERI
Polis DiRaja Malaysia 

27

KELEMAHAN YANG DIPERHATIKAN

- kelemahan dalam perancangan menyebabkan perolehan dilaksanakan walaupun perabot belum boleh digunakan kerana bangunan dijangka siap pada bulan Mac 2015;
- pembayaran penuh berjumlah RM760,150 telah dijelaskan pada 24 dan 27 Disember 2013 walaupun pembekalan perabot belum disempurnakan dan penyelesaian pembayaran diserta dengan dokumen palsu;
- pengurusan perolehan secara sebut harga tidak dipelawa kepada penyebut harga tempatan serta perolehan tidak diurus melalui Kontrak Pusat Sistem Panel; dan
- item yang dibekal tidak mengikut spesifikasi dan tidak diperincikan.

RAHSIA

RAHSIA KEMENTERIAN DALAM NEGERI
Polis DiRaja Malaysia 

28

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri

- Proses perolehan yang lambat dimulakan dan mengambil kira waran peruntukan yang diterima pada tahun 2013 akan luput sekiranya tidak dibelanjakan mengikut pemahaman Komander pada masa itu, Komander Briged Tengah mengakui dengan mengambil kira ketidakmampuan pembekal membuat pembekalan sepenuhnya pada tahun 2013, pembekal telah memberi aku janji untuk membekalkan perabot apabila tempahan siap;
- Komander Briged Tengah mengakui bahawa penerimaan perabot telah diterima bermula pada 30 Disember 2013 hingga 16 April 2014 daripada pembekal dengan kelewatan sebagaimana yang telah dilaporkan oleh pihak Audit iaitu antara 4 hingga 111 hari.

RAHSIA

RAHSIA KEMENTERIAN DALAM NEGERI
Polis DiRaja Malaysia 

29

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri....samb

- Bagi membolehkan pembayaran dibuat, pihak Briged telah menerima 5 (lima) nota penghantaran daripada pembekal bersekali dengan surat kuji janji memberi jaminan kepada Briged Tengah akan membuat penghantaran, membekal dan memasang perabot serta peralatan-peralatan apabila bangunan siap tanpa sebarang kos. Sebagai tindakan pencegahan, Jabatan Logistik, PDRM telah mengeluarkan surat peringatan bertarikh 31 Oktober 2014 kepada semua PTJ supaya memastikan bayaran dibuat setelah bekalan dan perkhidmatan telah diterima. Kementerian juga mencadangkan supaya peruntukan disertakan bersekali kos projek bagi memudahkan perancangan perolehan dibuat termasuk peruntukan yang telah disediakan.

RAHSIA

RAHSIA KEMENTERIAN DALAM NEGERI
Polis DiRaja Malaysia 

30

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri....samb

- Siasatan awal telah dijalankan oleh Urusetia (Pematuhan) Jabatan Logistik mendapati bahawa memang terdapat kelemahan dan ketidakpatuhan dalam tatacara menguruskan proses perolehan dan pembayaran perabot.
- Kes ini telah dirujuk kepada Jabatan Integriti Pematuhan Standard (JIPS) pada 28 Oktober 2014 bagi menjalankan siasatan lebih lanjut dari sudut tindakan tatatertib.

RAHSIA

RAHSIA KEMENTERIAN DALAM NEGERI
Polis DiRaja Malaysia

31

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri....samb

- Semasa permohonan peruntukan bagi projek Kem Batalion 5 Simpang Renggam dikemukakan ke KDN, kesemua pembinaan di PGA Simpang Renggam akan selesai pada 11 Mac 2015 iaitu komponen di bawah Pakej 1 Zon B.
- Sementara itu, pakej lain dijangka siap dibina selewat-lewatnya pada 11 September 2013.
- Mengambil kira faktor ini, peruntukan untuk perolehan perabot dibuat bersekali dengan 13 projek pembinaan yang lain.

RAHSIA

RAHSIA KEMENTERIAN DALAM NEGERI
Polis DiRaja Malaysia

32

Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri....samb

- Pihak Bridged Tengah menyedari tahap peratusan kemajuan projek semasa permohonan peruntukan dibuat. Ini kerana semasa permohonan waran peruntukan oleh Bahagian Bangunan Bukit Aman PDRM ke Bahagian Pembangunan KDN pada 10 Mei 2013, pihak Bridged Tengah telah mengambil kira maklumat kemajuan projek pada akhir bulan April 2013 di Pakej 1 Zon A sepatutnya telah mencapai 70% tetapi pencapaian sebenar hanya 41%.
- Bridged Tengah mengakui perolehan perabot tidak dibuat melalui Kontrak Pusat Sistem Panel.
- Bridged Tengah mengakui kelemahan bahawa tiada spesifikasi yang khusus bagi senarai 54 item peralatan perabot dan hanya berdasarkan keperluan standard sahaja.

RAHSIA



**Sekian
Terima Kasih**

**PENGURUSAN PEROLEHAN PERABOT BAGI CADANGAN
PEMBANGUNAN SEMULA KEM BATALION 5,
PASUKAN GERAKAN AM (PGA)
SIMPANG RENGGAM, JOHOR**



| LATAR BELAKANG PROJEK | | | |
|---|---|--|--|
| PAKEJ | SKOP | CATATAN | STATUS TERKINI KEMAJUAN FIZIKAL (Sehingga Mei 2015) |
| a) Pembangunan Paket 1 (Harga Kontrak: RM157,400,000.00) | Infrastruktur utiliti seperti Loji Kumbahan, Bekalan Air, Bekalan Elektrik dan Infrastruktur Jalan Zon A Seksyen 1 | Tarikh Mula : 15 September 2011 Tarikh Siap : 22 Februari 2013 EOT 1: 23 Ogos 2012 EOT 2: 30 Oktober 2012 EOT 3: 26 Disember 2012 EOT 4: 28 Februari 2013 | Siap Sepenuhnya |
| Zon A Seksyen 2 | Mes Pegawai, Kuarters Inspektor, Kuarters GO's dan Kuarters CO | Tarikh Mula : 15 September 2011 Tarikh Siap : 31 Oktober 2014 EOT 1: 9 Jun 2014 EOT 2: 31 Oktober 2014 | Siap Sepenuhnya |
| Zon B | Bangunan Pentadbiran, Cawangan Bekalan | Tarikh Mula : 6 September 2013 Tarikh Jangka Siap : Disember 2015 EOT 1: 4 September 2015 | Jadual: 66% Sebenar: 60% Kelewatan: -6% |
| b) Pembangunan Paket 2 (Harga Kontrak: RM110,000,000.00) | 3 Blok Kuarters Kelas F | Tarikh Mula : 15 Disember 2008 Tarikh Siap : 7 Februari 2013 | Siap Sepenuhnya |
| c) Pembangunan Paket 3 (Harga Kontrak: RM53,000,000.00) | 1 Blok Kuarters Bujang, Surau, Dewan Makan dan Dewan Serbaguna | Tarikh Mula : 15 Disember 2008 Tarikh Siap : 5 Januari 2013 | Siap Sepenuhnya |



Bayaran Dibuat Sebelum Perabot Dibekalkan (Improper Payment)

| Penemuan Audit | Penjelasan |
|--|---|
| <p>(1) Pembayaran penuh telah dibuat sebelum perabot diterima.</p> <p>Tarikh bayaran : 24 dan 27 Disember 2013</p> | <ul style="list-style-type: none"> i. PTJ Briged Tengah beranggapan Waran peruntukan yang diluluskan mesti dibelanjakan pada Tahun 2013 ii. Pembekalan penuh tidak dapat dibuat sebelum akhir tahun kewangan tahun 2013 iii. Surat Akujanji dari pembekal memberi jaminan untuk melengkapkan pembekalan setelah bangunan siap tanpa sebarang kos |

5

Tindakan Pembetulan dan penambahbaikan

Kesemua perabot telah diterima antara **30 Disember 2013 hingga 16 April 2014**.

Jawatankuasa Siasatan Dalaman (JKSD) telah ditubuhkan bagi menyiasat dengan terperinci dan laporan telah siap sepenuhnya. Hasil siasatan mendapat terdapat pelanggaran kepada peraturan kewangan (improper payment) dan jawatankuasa mencadangkan mereka yang terlibat dikenakan tindakan tatatertib

6



7

| Penemuan Audit | Penjelasan |
|--|---|
| <p>Terdapat Penghantaran Nota dan invois bagi perabot yang belum dibekalkan.</p> | <p>i. 5 nota penghantaran yang diterima oleh PGA Briged Tengah tujuannya adalah untuk pembayaran walaubagaimana pun, semasa lawatan pasukan Audit mendapati pembekalan barang-barang masih tidak dibuat sepenuhnya kerana penghantaran barang-barang tersebut dibuat secara berperingkat.</p> <p>ii. Surat Akujanji dari pembekal memberi jaminan untuk melengkapkan pembekalan setelah bangunan siap tanpa sebarang kos.</p> |

8

Tindakan Pembetulan dan penambahbaikan

Dicadangkan supaya peruntukan disertakan bersekali dengan kos projek bagi memudahkan perancangan perolehan

Kesemua perabot telah diterima antara **30 Disember 2013 hingga 16 April 2014.**

Jawatankuasa Siasatan Dalaman (JKSD) telah ditubuhkan bagi menyiasat dengan terperinci dan laporan telah siap sepenuhnya. Hasil siasatan mendapat terdapat pelanggaran kepada peraturan kewangan (improper payment) dan jawatankuasa mencadangkan mereka yang terlibat dikenakan tindakan tatatertib

9

Sebut Harga Tidak Dipelawa Daripada Kontraktor Tempatan dan Perolehan Perabot Tidak Dibuat Melalui Kontrak Pusat Sistem Panel

| Penemuan Audit | Penjelasan |
|---|--|
| Syarikat yang ditawarkan sebut harga berpusat luar daripada Negeri Johor (Bangi, Shah Alam dan Kuala Terengganu) | i. PTJ Briged Tengah mengakui kelemahan kekurangan pengetahuan dan pengalaman dalam melaksanakan perolehan ini. |
| Perolehan perabot berasaskan kayu, logam dan katil dibuat di kalangan pembekal bukan kontrak panel tanpa kebenaran perbendaharaan | ii. Ini merupakan perolehan kali pertama melibatkan projek pembangunan dan jumlah besar yang diuruskan oleh PTJ Briged Tengah. |

10

Spesifikasi Khusus Tidak Ditentukan Semasa Tawaran Sebut Harga.

| Penemuan Audit | Penjelasan |
|---|--|
| Tawaran sebut harga tidak menyatakan secara terperinci spesifikasi item yang diperlukan (kapasiti, ukuran, jenis/material dan kuantiti) | i. PTJ Briged Tengah mengakui kelemahan kekurangan pengetahuan untuk menyediakan spesifikasi khusus bagi senarai 54 item peralatan perabot dan hanya berdasarkan keperluan standard. |

11

Tindakan Pembetulan dan penambahbaikan

Pegawai bertanggungjawab telah didedahkan pengetahuan berkaitan perolehan dan kewangan melalui kursus dan latihan.

Cth: Kursus Asas Logistik yang telah diadakan sebanyak 7 siri terbuka kepada semua Jabatan di PDRM.

Manual E-Perolehan yang telah diedarkan ke seluruh PDRM sebagai panduan dan rujukan pada 12 September 2014 melalui pautan pantas e-siar.

Jawatankuasa Siasatan Dalaman (JKSD) telah ditubuhkan bagi menyiasat dengan terperinci dan laporan telah siap sepenuhnya. Hasil siasatan mendapat terdapat pelanggaran kepada peraturan kewangan (improper payment) dan jawatankuasa mencadangkan mereka yang terlibat dikenakan tindakan tatatertib

12

Pengurusan Pendaftaran dan Pelabelan aset perlu dilaksanakan dan disusun dengan teratur serta disimpan di tempat yang selamat dan berkunci

| Penemuan Audit | Penjelasan |
|--|--|
| <ul style="list-style-type: none"> i. Aset yang telah dibeli masih belum diberi tanda pengenal walaupun perabot tersebut telah diterima melebihi tempoh 2 minggu. ii. Aset-aset tersebut ditempatkan sementara di pelbagai lokasi di dalam Kem Batalion 5. | <ul style="list-style-type: none"> i. Pihak Bekalan Batalion 5 menunggu kesemua aset siap dihantar memandangkan penghantaran dan penerimaan aset tersebut secara berperingkat. ii. Lokasi penempatan sebenar masih dalam proses pembinaan. |



13

Tindakan Pembetulan dan penambahbaikan

Kesemua perabot telah diterima antara **30 Disember 2013 hingga 16 April 2014**.

Semua aset dan perabot telah didaftar dan dilabel serta dikunci di tempat yang selamat bagi mengelakkan ianya usang dan rosak

14

| Bil | Lokasi Bilik Simpanan Perabot dikunci dan mempunyai alat pemadam api | | |
|-----|--|--|---|
| 1. |  |  | Tingkat 1 Blok Dahlia |
| 2. |  |  | Dwn Serba Guna Stor 6 |
| 3. |  |  | Bilik Utiliti Blok Anggerik /Bakawali/ Chempaka |

15

| PERALATAN TELAH DIPASANG DAN DIUJI | |
|--|--|
| Kem Batalion 5 Simpang Renggam telah membuat pengujian terhadap LCD Projektor dan skrin digunakan dalam majlis rasmi Batalion 5, mendapati kesemua peralatan tersebut berfungsi dengan baik. | |
|  |  |
| Projektor / LCD Skrin / TV telah diuji | Kanopi yang telah dipasang dan diuji |

16

Perabot Telah Didaftar dan Dilabel



17

*SEKIAN,
TERIMA KASIH.*

18